



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.45 SUBUH 4.55 SYURUK 6.12 DUHA 6.35 ZUHUR 12.19 ASAR 3.19 MAGHRIB 6.23 ISYAK 7.32 Daerah Belait ditambah 3 minit

TAHUN 69 BILANGAN 109

9 SEPTEMBER 2024 / 1446

5

MANISNYA IMAN

HADIS Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesiapa membaca selawat kepadaku sekali, maka Allah melimpahkan kepadanya 10 rahmat dan dihapuskan daripadanya 10 kejahanan serta Allah mengangkat 10 derajat". (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari, An-Nasaie, Ahmad dan Al-Hakim).

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

TENAGA PENGAJAR BERKUALITI TINGGI MENYUMBANG KEBERKESANAN SISTEM PENDIDIKAN



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Sabtu, 7 September. - Mulai tahun ini, Universiti Teknologi Brunei (UTB) akan melaksanakan Pelan Strategik 2024-2028 dengan visi Global University of the Future dan misi untuk melahirkan bakat yang tinggi bagi masyarakat yang mampu, global dan berdaya usaha, yang berakar umbi dalam falsafah negara (MIB) ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Justeru itu, bagi mencapai visi dan misi berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB dalam titah, menekankan agar pihak UTB menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti tinggi untuk keberkesanannya keseluruhan sistem pendidikan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan bergambar rama bersama para graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-12 bagi Tahun 2024 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

>> Muka 3

Kongsi amalan terbaik, majukan sistem pengurusan pengangkutan pintar

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha baru-baru ini mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Minister for the Ministry of Land, Infrastructure and Transport (MOLIT) Republik Korea, Tuan Yang Terutama Sangwoo Park.

Pertemuan tersebut diadakan di Seoul, Republik Korea semasa berlangsungnya World Smart City Expo (WSCE) 2024, yang diadakan bermula 3 hingga 5 September 2024 di Goyang, Republik Korea.

>> Muka 8

Tazkirah Maulidur Rasul serikan Malam Munajat

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 September. - Tabarruk dari segi istilah bererti menagih ketetapan kebaikan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala pada sesuatu perkara. Hukum ke atasnya bergantung kepada keselarasiannya dengan apa yang disyariatkan berdasarkan ketetapan daripada Al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hukum bertabarruk dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

adalah harus. Ia merupakan salah satu sunnah para sahabat Radhiallahuanhum yang diikuti oleh para tabiin dan orang-orang soleh.

Demikian antara pengisian tazkirah bertajuk 'Menyambut Maulidur Rasul Dengan Bertabarruk' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Unit Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

>> Muka 7

Majlis Selawat pembukaan Bilik Rambut Mulia Rasulullah

Siaran Akhbar : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Sempena memperingati Hari Keputeraan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, pelbagai aktiviti keagamaan telah diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) tidak ketinggalan turut sama dalam mengimarahkan membesarkan bulan ini. Sehubungan itu, Majlis Berselawat

telah diadakan baru-baru ini di BKISHHB bagi menandakan pembukaan Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selama sebulan sepanjang bulan Rabiulawal 1446 Hijrah bermula 1 Rabiulawal 1446H bersamaan dengan 5 September 2024 Masihi hingga Khamis, 29 Rabiulawal 1446H bersamaan dengan 3 Oktober 2024M.

>> Muka 8



Berita Utama



LAUNGAN Dikir Maulud terus bergema

Muka 9



KUMPULAN Ameer Al-Huffaz johan Pertandingan Tarannum Al-Quran

Muka 12



ENGUNDIAN DAN PEMILIHAN KETUA KAMPONG RAHBRUNEI DAN MHAR

AWANG Muhammad Waie calon tunggal Ketua Kampung Pengkalan Batu

Muka 17



RENCANA

الفارابي، أراسطو كدوا

Muka 19

Meningkatkan hubungan ‘Enhanced Partnership’ janji perkongsian mendalam, kestabilan serantau

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmani Rahim
Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya
Waddeen Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin Wa'alaa Aliche
Wasabihee Ajma'een, Waba'du.

BETA amat mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dalam Lawatan Negara pertama Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beta berbesar hati untuk membala keramahan yang beta nikmati semasa lawatan beta ke Republik India.

Beta juga ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan semula TYT sebagai Perdana Menteri.

Di bawah kepimpinan TYT, India telah berubah menjadi sebuah ekonomi paling pantas berkembang, bukti wawasan dan bimbingan TYT.

Beta yakin bahawa India akan terus meningkatkan kedudukan globalnya dan mencapai matlamatnya, untuk menjadi ekonomi maju sepenuhnya menjelang 2047.

Lawatan TYT bertepatan dengan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 Tahun antara NBD dan Republik India yang menggariskan komitmen untuk mengukuhkan perkongsian penting kedua-dua negara.

Negara kita berkongsi persahabatan yang berakar umbi dan hubungan rakyat dengan rakyat yang kukuh.

Komuniti India di Brunei dari para pengusaha perniagaan kepada para profesional, telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara, yang mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Semasa kita meraikan masa lalu kita, kita melihat masa depan dengan optimis.

Bersama-sama, kita boleh meningkatkan kerjasama dalam saling hubungan, tenaga, pendidikan dan kesihatan.

Brunei tetap komited untuk meluaskan kerjasama dengan Republik India dalam bidang-bidang baharu seperti ICT, tenaga yang diperbaharui, pertanian dan industri halal.

Dalam hal ini, kami gembira kerana hari ini menandakan peningkatan hubungan kedua-dua negara kepada ‘Enhanced Partnership’ yang menjanjikan perkongsian yang lebih mendalam dan akan menyumbang kepada pertumbuhan dan kestabilan serantau yang lebih ketara.

Keja kita semakin meluas sehingga ke forum-forum serantau dan antarabangsa, seperti Hubungan Dialog ASEAN-India.

Hubungan-hubungan ini berkembang menjadi perkongsian strategik komprehensif, menawarkan lebih banyak peluang dan manfaat bagi rakyat kedua-dua negara.

Kami menghargai sokongan Republik India terhadap ASEAN Centrality, memastikan rantau kita kekal inklusif, telus dan berdaya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmii bagi meraikan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada 4 September 2024.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

saing.

Ketika kita memandang ke masa hadapan, beta yakin hubungan kita akan terus kukuh dan kita akan merebut peluang

bagi membina masa hadapan yang lebih cerah bagi rakyat kedua-dua negara.

Sebagai penutup, beta mendoakan kesihatan, kebahagiaan, dan kemakmuran yang baik untuk rakyat Republik India.

Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG 9 SEPTEMBER 2024

Beri sokongan pada pesakit Demensia

BULAN September merupakan bulan Demensia. Demensia adalah istilah umum yang digunakan untuk membawa maksud gangguan keupayaan untuk mengingat, berfikir atau membuat keputusan yang mengganggu aktiviti kehidupan sehari-hari. Demensia boleh membawa kepada penurunan dalam menjalankan aktiviti harian dan boleh menyebabkan pesakit memerlukan penjagaan masa panjang. Sebahagian daripada pesakit Demensia kurang atau tidak berupaya melakukan aktiviti-aktiviti harian. Mereka juga sukar untuk menyelesaikan masalah atau mengawal emosi.

Adalah menyediakan bagi penyakit Demensia kerana belum ada rawatan ataupun ubatnya yang khusus untuk merawat penyakit tersebut. Tetapi pembelajaran dan sokongan kepada pesakit dan penjaga pesakit Demensia dapat membantu dalam mengawal sesetengah gejala penyakit. Oleh itu, sokongan ahli keluarga, rakan serta masyarakat sekeliling sangat diharapkan untuk membantu pesakit demensia ini. Kita perlu faham bahawa penyakit ini tidak mengenal sesiapa dan akan mempunyai kesan jangka panjang pada kehidupan pesakit dan keluarga mereka.

Demensia boleh menjadikan kesihatan dan seterusnya memberikan kesan kepada kualiti kehidupan kepada setiap individu yang menghidap penyakit Demensia, penjaga dan ahli keluarga. Sering kali juga terdapat kurang kesedaran dan pemahaman tentang Demensia yang mengakibatkan stigma dan rintangan untuk diagnosis serta mendapatkan rawatan. Di sinilah kesabaran penjaga dan ahli keluarga diuji dalam merawat, melayan pesakit Demensia ini.

Seseorang boleh mengurangkan risiko menghidap Demensia melalui amalan pemakanan sihat; melakukan kegiatan fizikal secara tetap sekurang-kurangnya 30 minit sehari dan lima kali seminggu; dan berhenti merokok. Bagi warga emas, rangsangan mental dan interaksi sosial juga perlu dikekalkan.

Meskipun Demensia tidak dapat sepenuhnya dihindari, langkah-langkah pencegahan dapat diambil untuk mengurangi risiko terkena Demensia. Gaya hidup sihat, seperti menjaga pola makan yang baik, berolahraga secara teratur dan merangsang otak melalui aktiviti kognitif, dapat membantu menjaga kesihatan otak dan meminimumkan risiko Demensia.



Kementerian Kesihatan juga bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di kesemua daerah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Demensia Brunei untuk meningkatkan kesedaran tentang Demensia dan melaksanakan intervensi yang berkaitan dengan Demensia. Kementerian Kesihatan juga akan memastikan para penjaga kesihatan dan sukarelawan dilatih dengan secukupnya sehingga mereka dapat memberikan nasihat dan perkhidmatan kesihatan yang relevan bagi semua individu yang menghidap penyakit Demensia dan keluarga atau penjaga mereka.

Marilah kita sama-sama membantu, memberi sokongan serta bersikap pemelulian kepada pesakit Demensia serta penjaga dan keluarga mereka. Memahami kesulitan serta kesukaran yang mereka hadapi sekurang-kurangnya dapat meringankan beban emosi yang mereka tanggung. Tanggungjawab kita terhadap masyarakat sekeliling dapat mewujudkan kesejahteraan serta kegembiraan untuk semua. - Ketua Penyuntingan (Ri)

WAKTU SEMBAHYANG											
September	MASIH	HARI	Rabiulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	ISNIN	5	4.45	4.55	6.12	6.35	12.19	3.19	6.23	7.32	
10	SELASA	6	4.45	4.55	6.12	6.35	12.18	3.18	6.22	7.32	
11	RABU	7	4.45	4.55	6.12	6.34	12.18	3.18	6.22	7.31	
12	KHAMIS	8	4.45	4.55	6.12	6.34	12.18	3.19	6.21	7.30	
13	JUMAAT	9	4.44	4.54	6.12	6.34	12.17	3.19	6.21	7.30	
14	SABTU	10	4.44	4.54	6.11	6.34	12.17	3.19	6.20	7.29	
15	AHAD	11	4.44	4.54	6.11	6.33	12.17	3.20	6.20	7.29	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan  32 °C 25 °C Pekan Bangar	 32 °C 24 °C Pekan Tutong	 31 °C 24 °C Kuala Belait
 32 °C 25 °C Pekan Bangar	 32 °C 24 °C Pekan Tutong	 31 °C 24 °C Kuala Belait
 32 °C 25 °C Pekan Bangar	 32 °C 24 °C Pekan Tutong	 31 °C 24 °C Kuala Belait

Wallahu alam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Tenaga pengajar berkualiti tinggi menyumbang keberkesanan sistem pendidikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-12 bagi Tahun 2024.

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-12 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Menurut Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerana kualiti sistem pendidikan tidak boleh melebihi kualiti tenaga pengajarnya.

"Oleh itu, beta menyarankan agar UTB serta semua institusi pengajaran tinggi memberi tumpuan kepada proses pengambilan yang lebih teliti untuk tenaga akademik mereka. Ini penting untuk memastikan mereka yang diambil itu benar-benar layak dan mampu untuk menyumbang kepada pelan strategik institusi masing-masing dan pembangunan negara."

"Pelan Strategik UTB juga telah memberikan penekanan kepada pembelajaran cemerlang yang

memfokus kepada tiga objektif strategik iaitu kualiti pengajaran dan pembelajaran, kurikulum yang diiktiraf di peringkat global dan pengalaman pembelajaran.

"Bagi tujuan ini, beta menasihatkan supaya UTB sentiasa memantau program-program yang ditawarkan agar ia bukan sahaja relevan dalam memenuhi keperluan semasa tetapi juga mampu untuk beradaptasi dengan keperluan masa hadapan," titah baginda.

Mengenai pemendekan tempoh pengajian dari empat ke tiga tahun, Kebawah DYMM dalam titah mengambil maklum bahawa kumpulan pertama dalam pelaksanaan perubahan ini akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains, Teknologi dan Perdagangan pada Majlis Konvokesyen tersebut, yang mana perubahan tempoh pengajian berkenaan adalah hasil dari kajian teliti UTB mengenai amalan-amalan terbaik.

Baginda dalam titah juga

gembira mengetahui bahawa satu program baharu, iaitu Doctor of Business Administration akan diperkenalkan pada bulan Januari 2025.

"Selain ianya sebagai pilihan alternatif kepada PhD, ianya juga membuktikan kepentingan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Program ini memenuhi keperluan *action research* dalam dunia perniagaan sebenar dengan memperkaya ekosistem penyelidikan melalui intervensi yang dapat diguna pakai dan dapat meningkatkan hasil penyelidikan UTB."

"Berkaitan penyelidikan, dalam usaha untuk meningkatkan jumlah petikan ataupun *citation*, beta menyambut baik penstrukturkan semula pusat-pusat dan *research thrusts* UTB dalam mensejajarkannya dengan amalan terbaik global."

"Penubuhan Pusat Teknologi Hijau dan Penyelidikan Lestari atau Centre of Green Technology and Sustainable Research adalah

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

diharap dapat menyumbang ke arah ini. Penyelidikan UTB juga disasarkan kepada Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG. Dalam hal ini, beta mengambil maklum bahawa UTB buat pertama kalinya telah memasuki Times Higher Education Impact Ranking. Syabas atas pencapaian ini," titah Kebawah DYMM lagi.

Menyentuh mengenai ranking universiti di persada global, baginda dalam titah mengambil maklum bahawa UTB akan terus memperkenalkan strategi-strategi yang lebih inovatif, terutama melalui agenda pengantarabangsaan, termasuk penubuhan Pejabat UTB Global.

Terdahulu baginda dalam titah, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing dan semoga kejayaan

ini akan jadi pemangkin kepada kecemerlangan di masa akan datang.

Ucapan tahniah juga baginda ditujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang secara konsisten telah mendorong para graduan sehingga beroleh kejayaan.

Sebelum mengakhiri titah, Kebawah DYMM merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga UTB, yang merangkumi Ahli-ahli Majlis dan Senat, Naib Canselor, pegawai-pegawai utama, ahli akademik, pegawai dan kakitangan atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka.

Baginda berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha kita dan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.



ANTARA graduan yang hadir pada majlis berkenaan (atas dan kanan).

670 GRADUAN DIRAIKAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN UTB



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



BACAAN Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

BERAKAS, Sabtu, 7 September. - Seramai 670 graduan Universiti Teknologi Brunei (UTB) diraikan pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-12 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Berkenan berangkat dan menyempurnakan penganugerahan ijazah berkenaan kepada para graduan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro-Canselor UTB.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UTB; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; serta Pendaftar dan Setiausaha UTB, Awang Lim Chui Hua.

Majlis Konvokesyen UTB 2024 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Keberangkatan Perarakan Canselor memasuki Dewan Plenary menyusul selepas itu, dengan didahului Bentara menjunjung Mushaf Al-Quran di hadapan perarakan berkenaan.

Sejurus selesai Perarakan Canselor, Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan dimainkan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-An'am, ayat 161 hingga 165 oleh Dayang Hajah Wafiqah binti Haji Daim, graduan dari Sarjana Sains (Secara Penyelidikan) dalam Sains Makanan dan Teknologi.

Manakala, inti sari ayat dibacakan oleh Dayang Evy Surya Farhana binti Haji Ali-Bolkiah, graduan dari Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Mekanikal.

Setelah itu, majlis diteruskan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-12 bagi Tahun 2024. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro-Canselor UTB (atas kanan dan atas kiri).

dengan sembah alu-aluan daripada Naib Canselor UTB, yang antara lain menyembahkan, salah seorang penerima Ijazah Sarjana dalam bidang Kejuruteraan Awam secara Kerja Kursus adalah Awang Lim Siew Yong, berumur 80 tahun.

Ini sembahnya lagi, membuktikan bahawa pembelajaran sepanjang hayat mengambil tempat di dalam kehidupan individu.

"Penganugerahan 15 Program Ijazah Sarjana Muda yang baru, diharapkan boleh memenuhi keperluan pasaran pekerjaan sebagaimana yang diharatkan oleh Kebawah Duli Tuan Patik dalam titah pada Majlis Konvokesyen UTB Ke-11 pada tahun lalu.

>> Muka 5



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Hajah Wafiqah binti Haji Daim, manakala inti sari ayat dibacakan oleh Dayang Evy Surya Farhana binti Haji Ali-Bolkiah (kanan). Manakala gambar bawah kanan dan bawah kiri, antara graduan dan ahli keluarga graduan yang hadir pada majlis tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan ijazah kepada para graduan (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

>> Muka 4

"InsyaAllah, UTB akan terus membuat semakan secara konsisten dalam memastikan program-program yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan tenaga kerja.

"Dalam mendukung hasrat visi untuk menjadi sebuah Universiti Global Masa Depan atau Global University of the Future, UTB terus berusaha mengembangkan portfolio antarabangsa melalui Kerjasama

Global yang Strategik atau (Strategic Global Collaboration).

"Ini termasuk keahlian dalam konsortium antarabangsa, penyertaan aktif dalam rangkaian akademik, program pertukaran staf dan pelajar, serta penganjuran persidangan bersama universiti luar yang berprestij," sembahnya lagi.

Justeru itu, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menyembahkan transformasi Pemasaran Digital atau Digital Marketing Transformation turut menjadi salah

satu elemen utama dalam memperkuuh keterlihatan UTB di persada dunia, selaras dengan aspirasi global UTB.

Penekanan terhadap Penonjolan Jenama Global atau Global Brand Prominence sembahnya, bukan sahaja bertujuan untuk menarik pelajar dan staf akademik antarabangsa, bahkan juga untuk memperkayakan persekitaran kampus dengan kepelbagaiannya budaya, pengalaman pembelajaran dan pemikiran inovatif melalui penyelidikan dalam kalangan warga UTB.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah.

Baginda seterusnya berkenan melafazkan Titah Kuasa Canselor UTB bagi

mengurniakan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada tiap-tiap graduan yang nama mereka disenaraikan di dalam Buku Convokesyen.

Ini diikuti dengan laungan kalimah *Allahuakbar, Wa Lillah il Ham* daripada para graduan dan yang semua yang hadir sebagai tanda syukur.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan mengurniakan ijazah kepada 670 graduan termasuk Ijazah Doktor Falsafah kepada 11 graduan, Ijazah Sarjana kepada 112 graduan dan Ijazah Sarjana Muda kepada 547 graduan.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama Awang Lim Siew Yong (atas kanan), manakala gambar bawah kiri dan bawah tengah, para graduan yang diraikan hadir pada majlis berkenaan.



SEMBAH alu-aluan daripada Naib Canselor UTB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan bergambar bersama para graduan dan keluarga masing-masing.

>> Muka 5

Setakat ini, UTB telah melahirkan seramai 5,141 graduan Diploma

Tertinggi Kebangsaan BDTVEC, 295 graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Tahap Lima, 3,364 graduan Ijazah Sarjana Muda, 626

graduan Ijazah Sarjana dan 32 graduan Ijazah Doktor Falsafah.

Para graduan adalah daripada bidang-bidang Kejuruteraan, Perdagangan, Pengkomputeran dan Informatik, Sains Gunaan dan Matematik, Reka Bentuk dan Pusat Perhubungan, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL).

Konvoesyen tahun ini amat bermakna kerana ia menandakan pengijazahan kohort terakhir

dari program empat tahun dan kohort pertama daripada struktur program tiga tahun yang baru diperkenalkan, yang telah berjaya dilaksanakan oleh UTB di semua sekolah kecuali Fakulti Kejuruteraan.

UTB dalam pada itu, turut berbangga atas pencapaian seorang graduan yang berusia 80 tahun yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam

bidang Sarjana Sains (Secara Kerja Kursus) dalam bidang Kejuruteraan Awam.

Awang Lim Siew Yong, merupakan graduan paling berusia dalam sejarah UTB, menjadi inspirasi kepada semua bahawa pembelajaran sepanjang hayat merupakan asas penting untuk pembangunan diri, tanpa mengira usia atau cabaran yang dihadapi.



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kiri dan kiri sekali, para graduan bergambar bersama keluarga masing-masing.

TAZKIRAH MAULIDUR RASUL SERIKAN MALAM MUNAJAT

>> Muka 1

Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi baru-baru ini bagi kali ke-150 dan pada minggu ini mengundang tetamu khas, Ahli Jawatankuasa Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Awang Azril Anwar bin Ahmad yang seterusnya memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Awang Haji Mohd. Rudzaini bin Haji Mohammad dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Tingkat III, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Juga hadir bagi sama-sama menyerikan lagi Program Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan program berkenaan, Ahli-ahli MKM; guru-guru Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang dan Masjid Kampung Perpindahan Lambak Kanan serta beberapa buah lagi masjid termasuk balai ibadat di seluruh negara.

Selain itu, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu turut serta mengikuti Program Malam Munajat tersebut secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, Awang Haji Mohd. Rudzaini bin Haji Mohammad dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Tingkat III, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhd. Khaizuran Amali bin Haji Kamsani dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Menyerikan Malam Munajat ialah bacaan Dikir Syarafil Anam - Khairuman beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Awang Mohammad Azwan bin Alawi dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Julazni bin Haji Mohd. Zaini dari Masjid Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara



MALAM Munajat bagi Kali Ke-150 pada minggu ini mengundang tetamu khas, Ahli Jawatankuasa Majlis Kesejahteraan Masyarakat, Awang Azril Anwar bin Ahmad. Turut hadir menyerikan lagi Program Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat

dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Dikir Syarafil Anam sempena Maulidur Rasul terus bergema



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 September. - Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi malam tadi di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

SEBAHAGIAN yang turut hadir pada Majlis Dikir Syarafil Anam berkenaan.

Perhimpunan, perarakan Maulidur Rasul pada 16 September ini

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 September. - Perhimpunan dan perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah akan diadakan serentak di seluruh negara pada Isnin, 12 Rabiulawal 1446 Hijrah bersamaan 16 September 2024 Masihi bermula jam 7.00 pagi dengan tema 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Seperi lazimnya, di Negara Brunei Darussalam acara kemuncak sambutan di peringkat negara ialah perhimpunan dan perarakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Bagi memastikan kelancaran Majlis Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446H di peringkat negara, satu taklimat dan perjumpaan berhubung dengan sambutan berkenaan akan diadakan pada Isnin, 9 September 2024, jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Sehubungan itu, dipohonkan kepada semua ketua pasukan atau wakilnya supaya akan dapat sama-sama hadir pada tarikh, tempat dan masa yang disebutkan di atas.

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pengajian Islam.

Majlis tersebut dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan bacaan Surah Al-Fatiyah dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Gaya Ketawa Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Awang Salihin bin Haji Samra dan diteruskan dengan Persembahan Dikir bermula dari Dikir Assalammuallaik, Dikir Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Al-Hamdu, Dikir Badat, Selawat Tafrijiyyah dan Dikir Asyralak.

Bagi memberkati majlis, Doa Dikir dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam juga turut dibacakan.

MAJLIS SELAWAT PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA RASULULLAH

Siaran Akbar dan Foto : Balai Khazanah Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

>> Muka 1

Hadir selaku jemputan khas ke majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Ahli-ahli Lembaga Penasihat BKISHHB.

Kehadiran para jemputan khas dialu-alukan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad. Majlis

dimulakan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam secara beramai-ramai yang dipimpin oleh 15 guru ugama dari Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Kemudian disusuli dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Uagma JPI, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Koleksi artifak Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan di antara bahan koleksi berharga dan tidak ternilai terdapat di BKISHHB. Orang ramai adalah dialu-alukan mengambil peluang ini untuk bertabarruk dengan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memperbaikkan berselawat.

Makna tabarruk itu ialah mengharapkan keberkatan dan kebaikan daripada sesuatu mulia terutama yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sepertimana diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim mengenai bertabarruk dengan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa Baginda telah membahagikan rambut Baginda kepada para sahabat dan menbenarkan mereka bertabarruk dengannya.

Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet hadir pada Majlis Berselawat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) (atas), manakala gambar bawah kiri, sebahagian daripada yang hadir pada majlis tersebut.



datang ke Mina. Kemudian Baginda mendatangi Jamrah dan melemparnya. Setelah itu, Baginda mendatangi tempatnya di Mina dan melakukan korban. Baginda berkata kepada tukang cukur : "Cukurlah!" dengan isyarat arah kanannya, lalu arah kirinya. Kemudian Rambut Mulia tersebut diberikan kepada orang rama". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam bulan penuh keberkatan ini juga, para umat Islam dipelawa untuk memperbaikkan berselawat kepada Rasulullah

berselawat kepada Rasulullah sebagai tanda bukti cinta kepada Baginda.

Antara kelebihan berselawat kepada Rasulullah ialah mendapat syafaat dan kedudukan utama di sisi Rasulullah pada hari kiamat kelak seperti diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi. Galeri-galeri pameran di BKISHHB dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari kecuali Jumaat.

Kongsi amalan terbaik, majukan sistem pengurusan pengangkutan pintar

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Mesyuarat tersebut antara lain memberi tumpuan kepada bertukar-tukar pandangan dan berkongsi amalan terbaik, pengalaman dan inisiatif dalam memajukan sistem pengurusan pengangkutan pintar.

Bidang utama termasuk rangka kerja dasar, perundungan, pembinaan kapasiti, perkongsi maklumat, dan strategi kerjasama yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan kemampuan pengangkutan.

Selain itu, mesyuarat turut meneroka peluang kerjasama antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea untuk menangani cabaran pengangkutan awam di NBD.

Berdasarkan teknologi dan

penyelesaian yang dipamerkan oleh syarikat-syarikat di WSCE 2024, terdapat penyelesaian berdaya maju yang boleh disesuaikan dan dipertimbangkan untuk projek Sistem Pengangkutan Pintar Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah Duta Besar Istiwera dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Korea, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Nooriyah binti Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yussof; Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof bersama pegawai kanan dari MTIC dan Kedutaan NBD di Seoul.

Di samping Mesyuarat Dua Hala, Yang Berhormat turut melawat WSCE 2024 di KINTEX 1 di Goyang Smart Safety Center dan kemudahan Perkhidmatan Operasi dan Maklumat Pengangkutan Seoul (TOPIS) di Seoul.

Lawatan tersebut memberikan pandangan berharga mengenai penyelesaian pengangkutan pintar, memfokuskan pada rangka kerja dasar, perundungan dan strategi dipacu teknologi untuk sistem mobiliti bandar yang lebih pintar dan mampan.

Sebelum ini, pada 4 September 2024, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Bersama (JCC) Kali Ke-2.

Mesyuarat bertujuan untuk memajukan perbincangan di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama dalam Bidang Pembangunan Bandar Pintar antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Dihadiri oleh Timbalan Menteri bagi Dasar Rantau dan Bandar Republik Korea, Dr. Lee Sangjoo,

perbincangan itu tertumpu pada meluaskan kerjasama dalam inisiatif bandar pintar, membina inisiatif JCC yang telah dipersetujui sebelum ini.

Sebagai mengiktiraf kerjasama yang kukuh antara kedua-dua negara, NBD diberikan tanda penghargaan daripada Republik Korea.

Ini secara tidak langsung menekankan kerjasama yang berkekalan dan komitmen bersama untuk memupuk pertumbuhan dan pembangunan dalam bidang bandar pintar.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Minister for the Ministry of Land, Infrastructure and Transport (MOLIT) Republik Korea, Tuan Yang Terutama Sangwoo Park dan seterusnya bergambar ramai semasa lawatan berkenaan (atas dan kanan).



LAUNGAN DIKIR MAULUD TERUS BERGEMA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku ketua rombongan bagi Majlis Dikir Maulud di Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang.

MERAGANG, Sabtu, 7 September. - Majlis Dikir Maulud terus bergema di seluruh sempena Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

persendirian di negara ini dalam menyemarakkan lagi sambutan sempena Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Dikir di Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dikendalikan oleh Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Hadir selaku ketua rombongan bagi majlis tersebut ialah Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatiha bagi memulakan Dikir Maulud yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kemudian, majlis diteruskan dengan Dikir Assalamualaika diketuai oleh Guru Ugama Terlatih Masjid Az-Zakireen, RPN Kampung Meragang, Awang Md. Zulkifri bin Murah, dan Dikir Khairuman / Dikir Badat oleh Kumpulan Firqah Al-Falaah, KKBS.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin
Berjemaah, diikuti Dikir Marhaban dan Doa Dikir yang dibacakan oleh Imam Tingkat II Masjid Az-Zakireen, RPN Kampung Meragang, Haji Shahbiring bin Haji Md. Noor.

Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Az-Zakireen, RPN Kampung Meragang, Awang Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkiflee.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Keunikan nilai kebruneian dipamerkan melalui hasil lukisan



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Majlis Perasmian Pameran Uciran Calak Brunei : Pameran Seni Lukis Abstrak 8 Seniman Tempatan anjuran bersama Pusat Sejarah Brunei (PSB) dan Creative Space berlangsung di PSB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan majlis perasmian tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; dan Dato Paduka Haji Haini bin Haji Hashim.

Pameran tersebut memperkenalkan hasil lukisan lapan pelukis tempatan iaitu Haini Hashim, Dr. Zakaria, Pengiran Wahab Hassan, Osman Mohammad, Pengiran Timbang, Malek Metarsat, Awang Sital dan Adi Zain.

Lukisan-lukisan yang dipamerkan

memaparkan keunikan unsur-unsur dan nilai-nilai kebruneian seperti sejarah, budaya, sosioekonomi dan kesenian dihasilkan oleh para pelukis menggunakan teknik dan gaya tersendiri.

Lukisan tersebut juga menggambarkan perasaan dan pengalaman pelukis dalam menghasilkan karya mereka.

Acara turut diserikan dengan persembahan deklamasi sajak oleh Haji Abdul Malek bin Haji Metarsat dan Haji Mahadi bin Haji Mat Zain;

dan demonstrasi melukis yang dipersembahkan oleh Pengiran Abdul Wahab bin Pengiran Hassan.

Acara juga diselanjurkan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat dan Pengetua PSB yang masing-masing disampaikan oleh wakil pelukis iaitu Pengiran Abdul Wahab bin Pengiran Hassan dan Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Tuah.

Pameran Uciran Calak Brunei : Pameran Seni Lukis Abstrak 8 Seniman Tempatan dibuka



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Uciran Calak Brunei : Pameran Seni Lukis Abstrak 8 Seniman Tempatan anjuran bersama Pusat Sejarah Brunei (PSB) dan Creative Space dan seterusnya menyaksikan pameran berkenaan (kiri sekali dan kiri).

untuk kunjungan orang ramai bermula hari ini sehingga Isnin, 7 Oktober 2024 bertempat di Galeri Sejarah dan Dewan Jawatan Dalam, PSB, Bandar Seri Begawan.

Jadual lawatan adalah seperti berikut, setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu pameran akan dibuka bermula pukul 8.00 pagi hingga 4.15 petang, sementara Ahad akan dibuka bermula pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja, manakala Jumaat dan Cuti Awam akan ditutup.

PROJEK HARAPAN KU : BANTU TINGKATKAN TARAF HIDUP GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Projek Harapan Ku yang diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 September. - Projek Harapan Ku (My Hope) yang dilaksanakan oleh Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) merupakan salah satu inisiatif MKM untuk meningkatkan taraf hidup mereka yang

kurang berasib baik dan berdaftar sebagai klien MKM.

Pelbagai program pemerkaan telah diperkenalkan oleh MKM sejak 2014 dan ada juga yang berhasil dalam memberi *financial independent* kepada klien-klien berkennaan.

Perkara berkennaan antara yang dinyatakan oleh Yang Dipertua MKM, Awang Haji Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim pada Majlis Pelancaran Projek Harapan Ku (My Hope) yang diadakan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, disini.

Menurutnya, projek-projek pemerkaan yang terdahulu lebih berbentuk kepada industri makanan dan minuman serta pertanian.

"MKM cuba menampilkan kelainan dengan harapan projek ini akan lebih *lucrative* kepada peserta-peserta dan akan berjalan dalam jangka masa yang lebih panjang.

"Projek Harapan Ku ini juga berlainan sedikit daripada projek-

projek MKM yang lepas kerana pada lazimnya projek terdahulu dikendalikan sepenuhnya oleh peserta-peserta," katanya.

Dalam Projek Harapan Ku ini ujarnya lagi, pemasaran akan diusahakan oleh MKM sendiri dengan harapan MKM akan meneroka pasaran yang lebih luas daripada pemasaran yang dikendalikan secara persendirian oleh para peserta.

Tambahnya, projek berkennaan adalah pembuatan beg jinjing (*tote bags*) yang diharap akan menembusi pasaran dan menjadi *bag of choice* untuk digunakan di kedai-kedai dan supermarket.

"Sasaran MKM dalam jangka panjang ialah untuk menjadikan beg jinjing di bawah projek ini lebih kompetitif," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan projek berkennaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah

dan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Pos Dakwah Kampung Selapon, Awang Haji Salleh Decky bin Abdullah.

Majlis turut mendengarkan penerangan mengenai Projek Harapanku yang disampaikan oleh Ketua Fasilitator Projek, Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada para penaja, diikuti penyampaian sijil-sijil penyertaan dan kotak peralatan

jahitan kepada para peserta.

Projek berkenaan merupakan inisiatif MKM yang bertujuan memperkasa golongan wanita kurang berasib baik di Daerah Temburong melalui penciptaan dan penjualan beg jinjing yang diperbuat daripada bahan kitar semula, dengan memberi tumpuan kepada wanita yang sudah mempunyai kemahiran menjahit tetapi kekurangan sumber dan sokongan untuk menubuhkan perniagaan yang mampam.

Matiamat MKM adalah untuk menyediakan golongan wanita berkennaan alat, bahan dan latihan yang diperlukan untuk memulakan dan menjalankan perniagaan jahitan mereka sendiri.

MKM akan membekalkan mesin jahit, bahan dan alatan penting lain, serta menawarkan sokongan pemasaran dan jualan untuk membantu mereka melancarkan dan mempromosi produk mereka dengan jayanya.

Beg jinjing yang dibuat daripada bahan kitar semula, dijual pada harga permulaan yang berpatutan, iaitu BND1.50, dengan harga akan berbeza-beza bergantung kepada saiz, kualiti dan reka bentuk.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja membantu golongan wanita berkennaan memperoleh kebebasan kewangan tetapi juga menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dengan mempromosi penggunaan bahan kitar semula.



YANG Dipertua MKM, Awang Haji Mohd. Yusof Shaik bin Abdul Halim ketika berucap pada majlis pelancaran projek berkennaan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



MPMK anjur Doa Kesyukuran, penyampaian sijil penghargaan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Lagun Perumahan Negara, Jalan Taripas (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SERIA, Ahad, 8 September. - Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Acara Pementasan Malam Badan Pekerupa yang diadakan pada 26 Julai lalu dan sempena Kemenangan Remaja KB Bull Brothers menjadi juara bagi Kejohanan Tarik Kalat Peringkat Kebangsaan Kategori

C-Remaja U19 yang diadakan pada 4 Ogos 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Lagun Perumahan Negara, Jalan Taripas, di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.



Juga hadir, Ketua Kampung Panaga 'C', Awang Khairul Abidin bin Md. Yaasin serta Ahli-ahli Jawatankuasa MPMK. Sementara itu, Pengurus KB Bull Brothers, Awang Zaini bin Haji Dullah dalam ucapannya menjelaskan bahawa KB Bull Brothers mula ditubuhkan seawal tahun 2000.

Selain daripada menyertai

perlawanan di dalam negara tambahnya, KB Bull Brothers juga sering menyertai Perlawanan Tarik Kalat di luar negara seperti Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurutnya, KB Bull Brothers terdiri daripada remaja Perumahan Negara Kampung Panaga telah menjuarai Kejohanan

Tarik Kalat Peringkat Kebangsaan dan bergelar juara tiga tahun berturut-turut.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada peserta-peserta Pementasan Malam Badan Pekerupa serta Anugerah Khas bagi Belia Remaja Ringan KB Bull Brothers.

سندھی

بکل کعالِم پُغ ککل

بوکن او نتوق معصیه، اکن مغایر کن فاهلا کند اور غیب مپدیاکنن، ترماسو قله جو گم میبینا فونداوچ او نتوق بریخت دشی-تھی جالن.

کام: سوئای بیغ دلایر کنن او ترق کفتیعن اور غ رامی،
 مغالیر کن آیر سجارا بایک دان بر سیه کم هفت-تخت اور غ بیغ مولو کنن
 اتاو مبوات فریکی دتفت بیغ سریغ دلالوی اتاو ددیامي اور غ رامی، ستله
 اور غ بیغ مغالیر کن آیر ایت منبعکل دنیا دان آیر ایت تنف مغالیر سرتا ترجاڭ
 درېي فەجماران دان دمنفعتکن اور غ بیغ ھيدوڭ مك دى تنف منداشت قاھالا
 بیغ بر ترسون، سماکین رامی اور غ بیغ مفععتکن مك اکن سماکین باپق اي منرىدا
 قاھالا داخىرە.

کوچوه: هر تا بیع دصلقهنهکن.
 صدقه بیع دربریکن سجارا اخلاص اکن منداتغ肯 قاهلا بیع برلیفت کندا.
 سلاین درقد هرتا بیع دربریکن سیاکی صدقه، هرتا جولک بولیه دوقفکن سفتری
 موقفکن تانه اتاو باعون اونتوق فنیدیقنقن إسلام، قوست کاجینق دان
 سیاکین. سلاکی غفت ترسیبوت دگوناکن اونتوق کیاپکن ملک قاهلان اکن
 ترووس معالییر کفڈ قرفق ترسیبوت.

جماعه يع درحمي الله،
كيت دانجورکن براؤسها منخاري کيکان دنيا تناخي هنادقه دکوناکن
سلیمانیع اونتوق دنيا دان آخرخه. إسلام ملارغ کيت برصفه بخبل، کجيتان يع
برليهين ترهادف نعمت دنيا دان کورغ فیکا ترهادف کفرلوان اورغ لاین سرتا
منتيغکن ديري سنديري. مك ماريله کيت براؤسها اونتوق مفتر باقنق صادقه
جاريه يع منتعتن برصفه ککل. کيت جوڭ براؤسها اونتوق ترووس دان ترووس
منخاري علمو دسرئاي دعنه معمكلېنىڭ دان مغاچار كن علمو-علمو ترسیبöt.
سلامين ايت، کيت جوڭ ترووس براؤسها منديديق فۇرا-فۇري کيت سرتا
مندعاەن مريک اکتر منجادى انتى يع صالح دان صالحە يع نېتى اکن مندعاەن کيت.

اوچه يع دمچين، بروشكدهه مهتم ساهم او تموي احجزه دعن برعمان جاريه
کران اينله جنیس عمالن يع برتوصن مغایلر فاهلان اومقام امير سوغاي يع
مغایلر، سجاد كنیك ماسیبه هيدويف اتاوقون تله منیغکل دنيا.

دان جاريله (فاما) نکری آخری دغنا هر تا ککیان بع تله دکورنیاکن
الله کشد مو دان جاغنه اغکاو ملوفاکن بهایکنمر درقد (کتعمن) دنيا. دان
بریوات بایکله سپاکیمان الله بریوات بایک کهد مو سرتا جاغنه اغکاو
ملاکوکن کروسن دبومي، سسوغکوھن الله تیدق میوکای اورغ-اورغ بع
ملاکوکن کروسن. { سوره القصص آية : ۷۷ }

بِإِذْنِ اللَّهِ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَبَّأَلَ مِنَ
تَلَاقِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِي فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا لَجَاهَةَ
الْقَاتِلِينَ.

مساتو جنراسي كجنراسي بريكتون دان دعملنك، مك اورع-اورع يغ
معاحر كتن اكن مندافت ليقمهن فهلا يغ ترووس معالير.

ابراهيم سفرمان دسبوت دالم سوره الصافات آية ۱۰۰:

"يا توهنکو! کورنیاکنله کفڈکو (أنق) يې ترماسوچ اورغ-اورغ
صالح".

كتيّك: كتاب - كتاب أكّام يغدو دوار يسكن.

مواريسکن کتاب-کتاب دان بوکو-بوکو اکام کفه اورغ-اورغ بیع
 دافت منتعشکن اوتنوق کبایکن دیری دان مشارکن، ترماسوقله جونک اوتنوق
 سکوله-سکوله اکام، فرقوستاکان عوام دان ساومقامان. مک سلاکی کتاب-
 کتاب ترسیبوت دکوناکن سپاکی باهن باجان دان رجوکن دری ساتو
 جنرامی کساتو جنرامی بریکوتن، مک اورغ بیع موقفکن اکن مندافت فادلا
 بیع برتووسن مغالیر.

خامس: مسجد يعْدُ بيتنا. درداء عثمان بن عفان رضي الله عنه، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسالاته: **مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ بَنَى اللَّهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ مَثَلًا.**

مغضودون.
بارغسیاف بیع مباغون مسجد کران الله، مک الله اکن مباغون باکین
سفرتی ایت دشک. { حدیث روایة امام مسلم }

دالم حال اين، كراجان كباوه دولي بيع منها مليا فادك سري يكتندا
سلطان دان بيع دفترتوان نكارا بروني دارالسلام تله ميريكن قلواوغ كفـد اورغ
رامي انتوق ملاوكـن عـمال جـاريـه خـصـوصـن أـوـمـت إـسـلامـنـكـارـاـ اـيـنـ باـكـيـ
غمـانـقـكـن دـانـ مـبـلـنـحـاـكـنـ سـبـهـاـكـنـ هـرـتـاـ دـعـنـ نـيـهـ سـبـاـكـيـ عـبـادـهـ دـانـ
مـلـيـتـكـدـاـكـنـ عـمـلـ كـبـاـجـيقـنـ سـمـاتـ سـمـاتـ باـكـيـ مـرـايـهـ كـنـجـارـنـ فـاهـلاـ بـعـ
دـجـنجـيـكـنـ اوـلـيهـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـعـالـىـ مـلـاـلـوـيـ تـابـوـغـ دـانـ قـمـبـيـنـانـ مـسـجـدـ نـكـارـاـ بـروـنـيـ
دارـالـسـلاـمـ.

کلیم: رومه بیغ دینبا اونتوق غئینشن اورغ بیغ سداغ دالم فرجالتن.
مباعون رومه مسافر اتاو فوندوچ باکی اورغ-اورغ بیغ برمسافر اونتوق
کبایکن اداله سواتو عمالان بیغ ساوشت دانجور کن. سیاست اورغ بیغ منشقعتکن،
باشک اونتوق براستیراحه سینتر ماھوڤون اونتوق برمالم دان کفرلواں لاین بیغ

جماعه يع در جميي الله،
برتفوی له کيت کحضره الله سبحة الله وتعالی دعن منیعکن کلمانن کفدن.
مسعکوهن اورغ يع فالیع ملیا دسیسی الله سبحة الله وتعالی ایت ایاله اورغ يع فالیع
برتفوی. موده-مودهن کيت منحادی انسان يع سنتیاس معایغتی الله
سبحة الله وتعالی، براوله کجیان دان کسلامن دنیا دان جوگ کذخیره.

جماعه يع در حجتی الله، سوغضکوهن کيت هيدوف ددنيا اين هان سمتدار، أخيره جوا يع کكل
ابادي. اوليه ايت، سيا کي ساورغ مسلم، کيت هندفله منفعتکن ستياف دقيق
دری او سيا يع کيت لاولي دعن برعمال صالح. کهاهويله، بهدوا ستياف عمل
صالح يع کيت کرجاکن سماس هيدوف اکن منداڠون حاصبيل داخيره کلوق.

ادفون انثرا جارا اتاو او سها اونتوق مرياه كبها كيان دأخيره كلق اپاله
دعن مفتر بايكن عمل جاريه. عمل جاريه اداله عمالن يع فاهلان اكن ترموس
منروس مغالير هيغك هاري قيامة، والوقون اورغ يع ملاوكن عمالن ترسبيوت
سوده منيكلل دنيا. درفل أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا:
إِذَا ماتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلٌ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ
يُنْتَهِيهُ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُوهُ لَهُ.

حال سیاورغ منیشکل دنیا، مک ترقوت سله عملن کجوالی تیک حال،
بلایت صدقه جاریه، علوم بیع برمنفعه، دان آنق صالح بیع مندعاوه کن کلوا اورغ
توان. {حدیث روایة امام مسلم}

دالم حديث يع لاین فولا، جوك دسيبوتکن براف فربواتن يع ترکولوغ
دالم عمل جاريه. درقاد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا يع
برمقصود: سسوغكوهن داناترا عمل كيابكين يع منادقون فاهلا سته اورغ يع
ملاكو كون منيغكيل دنيا ايا الله علمو يع دسيبرلواسكن، اتف صالح يع ديشكلكتن،

مصحف (كتاب کامامان) يع دواريسکمن، مسجد يع ديبنا، رومه يع ديبنا اوتنوق ڦيچينش اور غ يع سداع دام فرجالنن، سوغاي يع دالبرکن اوتنوق ڪشيچينش اور غ رامي، دان هرتا يع دصلقهکن. {حدیث روایة إمام ابن ماجہ} ددالم حدیث ایت تادي، اد دسبوتکن توجوه جنبس عمالن يع ترکولوغ سماک، عملا، جارې، بابت:

فرتام: علمو يع دسييرلواسكن.
مبياري لواسكن علمو فعندهان يع برمنفعه، سام اد ملالوي قنديديقن فورمل
سفرتى سكوله، اوئيورسيي دان إينسيتيوسى، اتاوقون ملالوي قنديديقن تيدق
فورمل سفترى فرينجىخون علميه، تذكيره دمسجد-مسجد، جرامه عموم،
كورسوس موتيواسى، فروگرام دعوه دان سباكتىن. ترماسوق جوك منوليس
بوکو-بوکو يع برگونا، منوليس كتاب-كتاب أكام دان مبياري كن باهن-باهن
علميه دان قنديديقن إسلام ملالوي أرتىكل-أرتىكل تذكيره ددام مديا
سوسيال. مك سلام مان علمو-علمو ايت ترموس دعمل دان دأجار كن دري

MASJID KAMPUNG LUBOK PULAU TUTONG TUMPUAN MAJLIS DIKIR KHEDN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

PENGARAH Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Amir Azman bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Haji Amir Azman bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Abdul Rahman selaku wakil peribadi Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan disusuli dengan Dikir Maulud dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang menyertai acara keagamaan berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di Daerah Tutong, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Antara objektif majlis berkenaan diadakan adalah bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kumpulan Ameer Al-Huffaz johan Pertandingan Tarannum Al-Quran



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas).

Oleh : Nooratin Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Kumpulan Ameer Al-Huffaz dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah muncul johan Pertandingan Tarannum Al-Quran Peringkat Akhir bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2024.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Nahawand dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah manakala Kumpulan Ameerul Huffaz memenangi tempat ketiga pertandingan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Pertandingan berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan

Penerangan, di sini.

Sebanyak sembilan kumpulan menyertai pertandingan tersebut dan enam kumpulan berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir.

Antara objektif pertandingan tersebut adalah untuk membudayakan bacaan Al-Quran secara bertarannum dalam kalangan para pelajar sekolah menengah agar mereka dapat mempelajari, memahami dan menghayati pengajaran yang terkandung di dalam Al-Quran.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar, menjadikannya lebih fasih dan jitu, di samping menggalakkan lebih ramai pelajar cemerlang secara beransur-ansur dalam seni tarannum Al-Quran.

Pada masa yang sama, pertandingan juga dihasrat untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran para pelajar dengan lebih lancar dan sempurna supaya dapat mendorong lebih ramai pelajar untuk memahirkan diri dalam kesenian tarannum Al-Quran secara berperingkat.

Pertandingan yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan ini merupakan anjuran Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.



ANTARA kumpulan yang menyertai Pertandingan Tarannum Al-Quran Peringkat Akhir bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2024 (kiri sekali dan kiri).

SENTIASA ISTIQAMAH DALAM PEMBACAAN AL-QURAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Besar sekolah berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 7 September. - Bagi melahirkan rakyat yang cekik Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai satu budaya dan amalan hidup, Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Dewan Besar sekolah berkenaan.

Majlis Khatam tersebut adalah

untuk meraikan 88 pelajar dari Tahun 6, Tahun 10 Fast Track dan juga Tahun 11, iaitu 46 pelajar lelaki dan 42 pelajar perempuan yang telah mengkhatamkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim

Swee Ann, juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat.

Turut hadir, para jemputan khas dari Jabatan Pengajian Islam serta para ibu bapa dan penjaga pelajar yang diraikan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan surah-surat lazim oleh para peserta Khatam.

Kemudian majlis diikuti dengan bacaan Takhtim Al-Quran oleh para pelajar perempuan Tahun 9 dan 10, dan disusuli Doa Khatam Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Ameer Jazli bin Azlan, salah seorang peserta Khatam.

Majlis diserikan lagi dengan bacaan Dikir Marhaban oleh para pelajar lelaki Tahun 10, dan kemudian diteruskan dengan penyampaian Sijil Khatam

Al-Quran oleh tetamu kehormat. Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Muhammad Akmal Hamzah bin Haji Aminorddin.

Tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk memastikan para pelajar sentiasa istiqamah dalam mengamalkan pembacaan Al-Quran dan menjadikan Al-Quran sebagai pedoman dalam menjalani kehidupan sehari-hari.



YANG Berhormat Ahli MMN menyampaikan Sijil Khatam Al-Quran kepada para peserta (atas), manakala gambar kanan, antara pelajar yang diraikan.



Musabaqah Mari Bercerita 3 Bahasa, Hafazan Al-Quran cungkil bakat pelajar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ANTARA peserta yang menyertai Musabaqah Mari Bercerita 3 Bahasa dan Hafazan Al-Quran.

SUNGAI AKAR, Sabtu, 7 September. - Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar mengadakan Musabaqah Mari Bercerita 3 Bahasa dan Hafazan Al-Quran bertempat di Auditorium, sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pengarah Pusat Bahasa, Kolej Universiti

Perguruan Ugama Seri Begawan, Dayang Nurul Atteyyia Bahtriyah binti Md. Salleh.

Musabaqah terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Musabaqah Mari Bercerita Bahasa Melayu, Musabaqah Mari Bercerita Bahasa Inggeris, Musabaqah Mari Bercerita Bahasa Arab dan Musabaqah Hafazan Al-Quran.

Pemenang bagi Musabaqah Mari Bercerita Bahasa Melayu bagi Kategori 'A' ialah Awang Muhammad Mudir Muayyad bin Mohammad Khairul Azmi. Sementara pemenang bagi Kategori 'B' dan Kategori 'C' pula masing-masing disandang oleh Dayang Maghfirah Wa Barakah binti Yusra dan Dayang Nur Irdhina Syarafana binti Bolhan.

Manakala, Kategori 'A' bagi Musabaqah Mari Bercerita Bahasa Inggeris pula dimenangi oleh Awang Muhammad Aniq Zayyan bin Amir Hamzan, sementara Dayang Nur Faqihah binti Mohamad Hamdilah pula menjuarai Kategori 'B' dan Dayang Qisyah Aqeela Azzalea binti Haji Ali Husaini menjuarai Kategori 'C'.

Bagi Musabaqah Mari Bercerita Bahasa Arab pula, Kategori 'A' dimenangi oleh Awangku Muhd. Farid bin Pengiran Omar Ali, sementara Kategori 'B' pula dimenangi oleh Dayang Maryam Az-Zahra binti Sahibol Omar, manakala Kategori 'C' dimenangi oleh Dayang Aisyah Aydarus Alhabshi.

Bagi pemenang bagi Kategori 'A', Musabaqah Hafazan Al-Quran pula disandang oleh Dayang Nur Sarah Basyirah binti Mohammad Fikri, sementara bagi Kategori 'B'



PENGARAH Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dayang Nurul Atteyyia Bahtriyah binti Md. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

dimenangi oleh Dayang Nur Syifa Hasanah binti Mohammad Fikri.

Dalam pertandingan berkenaan, Kategori 'A' adalah bagi murid-murid Kindergarten (KG) KG3, Kategori 'B' pula bagi murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 3, sementara Kategori 'C' bagi murid-murid Tahun 4 dan Tahun 5.

Pertandingan Mari Bercerita dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria, iaitu persembahan, kelancaran, hafalan dan isi cerita. Sementara, Pertandingan Menghafal Al-Quran pula dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria, iaitu hafazan, suara, kelancaran dan tajwid.



Tawaran			Tarikh tutup menghantar borang tawaran ke dalam peti tawaran (tidak dibenarkan mengambil borang tawaran)
Tarikh mula	Tarikh melihat, mengambil dan menghantar borang tawaran (waktu berkerja)		
9 September 2024 (Isnin)	9 September 2024 Hingga 12 September 2024 (Isnin Hingga Khamis)		14 September 2024 Sebelum Jam 9.00 Pagi (Sabtu) (Membuka Peti Tawaran)
	Isnin Hingga Khamis		Pagi : 8.30 Hingga 11.30
			Petang : 1.30 Hingga 3.00

Lot	Keterangan		Bertempat
1	1 Lot	Peralatan (Elektrik, Perabot, Mesin), Generator Dan Tangki Air	Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai
2	16 Buah (Kapal, Perahu Dan Trailer) dan 1 Lot Alat Ganti Kapal	5 Buah Kapal Bersaiz Besar	Jeti Perikanan Muara
		5 Buah Kapal Bersaiz Kecil	Tempat Penyimpanan Besi Buruk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai
		4 Buah Perahu	
		2 Buah Trailer Perahu	
	1 Lot Alat Ganti Kapal		Bengkel Ibu Pejabat Polis Marin
3	7 Buah	2 Buah Truck 4 Ton (Leyland) 1 Buah Kenderaan Isuzu Trooper 3 Buah Buggy 1 buah Mini Scooter	Letak Kereta Bahagian Mekanikal, J.K.R Sinarubai
4	1 Buah	Mitsubishi Pajero	
5	1 Buah	Toyota Prado	Tempat Penyimpanan Besiburuk Kerajaan, J.K.R. Sinarubai
6	1 Lot	Peralatan Komputer Dan Audio Visual	
7	1 Lot	Penghawa Dingin	
8	1 Lot	Injin Perahu Bermacam – Macam Jenis	

Peringatan/ take note:

Bagi Lot 7, belian borang hanya dibenarkan kepada syarikat yang berdaftar di Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi (JASTRE) sahaja



Bilangan Sebut Harga :
23 / JMM / S / 12 / 91
(2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract
(36 Months) for
Grass Cutting & Upkeeping Works
at Muzium Alat Kebesaran Diraja,
Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup :
Khamis,
10 Oktober 2024
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga :
24 / JMM / S / 12 / 91
(2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Bagi Ink /
Cartridge / Tonner Bagi
Printer, Plotter
dan Peralatan Komputer Lain
Di Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup :
Khamis,
10 Oktober 2024
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga :
3 / SEPTEMBER / 2024 /
PSB / PD.575

Mencetak, Membekal dan
Menghantar Buku,
Jurnal dan Majalah Terbitan
Pusat Sejarah Brunei,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup :
Khamis,
26 September 2024
Tidak lewat
jam 2.00
Petang



Bilangan Tawaran:
1 / BBS / SH / 2024 – 2025 J.1

Keterangan Projek:

Kerja-Kerja Pembaikan
Kerosakan Elektrik bangunan
Gerai Kompleks Sri Selera Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Selasa,
24 September 2024
Jam 2.00
Petang

**Iklan Tarikh Lanjutan****Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**

RTB / 101 / 24-25

Penggambaran Dan Penyuntingan
Program Majalah TV, Terbitan
Bahagian Rancangan TV, RTB

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :

RTB / 102 / 24-25

Penggambaran Dan Penyuntingan
Program Majalah TV, Terbitan
Bahagian Rancangan TV, RTB

Bayaran Yuran (termasuk e-dokumen):

BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Salinan Kertas:

BND5.00

(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dilanjutkan :

Rabu,

25 September 2024

Jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 09 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:

Kerja-Kerja Mengganti Pendawaian
Elektrik Di Kediaman Rasmi
Pegawai Daerah Tutong,
Jalan Sungai Basong, Tutong,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 10 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:

Kerja-Kerja Pemotongan Rumput
Di Kawasan Perumahan
Jalan Sg Besar,
Daerah Tutong Bagi
Tempoh Lima (5) Bulan

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup :

30 September 2024
Jam 2.00
Petang.

**Kenyataan Sebut Harga****Bilangan Tawaran:**

22 / JMM / S / 12 / 91

(2024 / 2025)

Tajuk Tawaran:

Pembelian Tiga

(3) Buah Jenis Kenderaan
Rasmi Jabatan (BG)

Bagi Jabatan Muzium-Muzium,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

Bayaran Yuran Tawaran :

BND30.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa

17 September 2024

Jam 2.00

Petang





JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Rujukan Sebut Harga:
ADMIN / 2024-2025 / SH-11

Tajuk Sebut Harga:
Supply and Delivery T
oner / Ink For Department
Civil Aviation

Dokumen Sebut Harga
Bolehlah Diperoleh:
Kaunter Seksyen
Kewangan Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Waktu Beroperasi:
Setiap Isnin hingga
Khamis
dan Sabtu
(tutup pada Jumaat,
Ahad & hari kelepasan awam)
8.00 Pagi hingga 2.00
Petang
(waktu beroperasi hari biasa)



Peserta hendaklah membawa kad
pengenalan / pasport yang sah.

Harga Yuran Dokumen:
BND10.00 setiap satu (01)
dokumen sahaja
(yuran tidak akan dikembalikan)

**Tarikh Tutup Menghantar
Dokumen Sebut Harga:**

Rabu,
11 September 2024
jam 2.00 Petang

**Tempat Menghantar Dokumen
Sebut Harga:**

Peti Sebut Harga
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat Jabatan
Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB 2513
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

1. Bilangan Tawaran:
(135) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
To Supply And Install Windbreaker
At Menglait Sports Complex
Badminton Hall Wall

2. Bilangan Tawaran:
(136) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing,
Commissioning, Training,
Maintenance And Warranty Of
CCTV Security Surveillance
System At Jerudong Sport
Complex

3. Bilangan Tawaran:
(137) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Pembekalan Lapik Kerusi
"Banquet Chairs"
Di Stadium Tertutup,
KSNHB

4. Bilangan Tawaran:
(138) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan:
Supply And Installation Of New
Carpet With All Necessary
Accessories At Stadium Negara
Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
26 September 2024



1. Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 08 /
2024 - 2025

Tajuk Sebut Harga :
Renovation, Fabrication And
Installation Of Cabinets
And Other Related Works
At Ministry Of Primary Resources
And Tourism Building

Tarikh Tutup Sebut Harga :
19 September 2024,
Khamis
Jam 2.00 Petang

2. Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 01 /
2024 – 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract Of 12 Months On
Maintenance Work Including
To Inspect, Supply And Install
Vehicle Parts For Department
Of Administration And Finance,
Ministry Of Primary Resources
And Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
19 September 2024,
Khamis
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam Bil. 12 / 2024

Tawaran Bagi Membina Pulih
Mesin Pengimbas Jenis Smiths
Detection Heimann Yang
Ditempatkan Di Jabatan Kastam
dan Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :

Selasa
24 September 2024
2.00 Petang



JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:

13 / JPB / SH / 2024

Keterangan :
Three (3) Years Term Contract For
Refuse Waste Collection
At Ibu Pejabat And Pusat Latihan,
Jabatan Penjara,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:

14 / JPB / SH / 2024

Keterangan :
Three (3) Years Term Contract For
Refuse Waste Collection
At Penjara Wanita
Jabatan Penjara,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:

15 / JPB / SH / 2024

Keterangan :
Three (3) Years Term Contract For
Refuse Waste Collection
At Maraburong Phase 1 And
Maraburong Phase 3,
Jabatan Penjara,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:

BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
24 September 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Tawaran Kastam Bil. 13 / 2024

Tawaran Perkhidmatan
Pembersihan Secara Berktrontrak
Bagi Tempoh Dua (02) Tahun
Untuk Bangunan dan Kawasan
Pejabat Bahagian Penguatkuasaan
Undang-Undang, Sungai Lampai
dan Kawasan Pejabat JKED
Di Kargo Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei, Cawangan
Berakas, Jabatan Kastam dan
Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :

Selasa, 24 September 2024
2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JPi / 07 / 2024

Tajuk :
Construct, Supply,
Delivery And Deploy
Complete Sets Of
Surface Fish
Aggregating Devices
("SFADS")
At Fishing
Zone 3 And Zone 4,
Brunei Darussalam
Fishery Limits

Tarikh Tutup :
Selasa,
12 November 2024



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagai nya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

جوالن سالینن کمبر ۲ دیگیتيل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)**

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG KULAPIS

Berita dan Foto : Nooratini Haji Abas

KULAPIS, Ahad, 8 September. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kulapis, Mukim Sengkurong secara aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan kertas undi diadakan pagi tadi, bertempat di Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis, Awang Abdul Naijib Syazwan bin Shahrani.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Kulapis, Mukim Sengkurong ialah Awang Muhammad Hadi bin Haji Timor,



berusia 40 tahun pada tarikh pencalonan.

Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Jabatan DBM, Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin dalam ucapannya mengingatkan seorang Ketua Kampung berperanan selaku perantara dua hala di antara pihak kerajaan serta anak buah kampung bagi menjaga dan mengawasi kepentingan serta keselamatan kampung di bawah penjagaannya.

Tegasnya lagi, seorang ketua kampung harus bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan, kesejahteraan dan



keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat serta menggalakkan semangat *bermucang-mucang* dan bergotong-royong supaya ia tidak lalut di telan zaman.

Bukan itu sahaja katanya

SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kulapis di Masjid Pehin Khatib Abdullah (atas dan kiri).

lagi, seorang ketua kampung berperanan dalam mengadakan perundingan, permuzakarahan dan permuafakatan bersama Majlis Perundingan Kampung dengan anak buah kampung mengenai apa juga perkara berkebaikan khususnya untuk pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan mukim dan kampung, keselamatan dan keamanan mukim dan kampung dan negara umumnya.

Majlis pengundian dan pemilihan berkenaan menyaksikan sebanyak

58 undi bersetuju dan 97 undi tidak bersetuju serta 10 undi dikategorikan sebagai undi rosak.

Turut hadir pada majlis pengundian berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas, juga selaku Pengerusi Majlis dan Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Dayang Sharinah binti Haji Awang Suahimi yang mewakili Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Awang Muhammad Waie calon tunggal Ketua Kampung Pengkalan Batu

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 September. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pengkalan Batu diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala, pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada 6 September 2024 yang lalu.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku tetamu kehormat majlis.

Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak dalam ucapannya menjelaskan, antara tujuan mengundi adalah merupakan satu mekanisme bagi setiap penduduk dan rakyat di negara ini yang telah cukup umur untuk memilih pemimpin di peringkat akar umbi sama ada mengundi menyokong atau tidak menyokong calon bagi mengisikan jawatan ketua kampung.

Beliau seterusnya menjelaskan di antara peranan ketua kampung adalah untuk menjadi perantara dua

hal di antara pihak kerajaan serta anak buah kampung bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung di bawah penjagaannya.

Ketua kampung juga jelasnya lagi, haruslah bertanggungjawab dalam mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat serta menggalakkan semangat *bermucang-mucang* dan bergotong-royong supaya ia tidak lalut di telan zaman.

"Selain mengadakan perundingan, permuzakarahan dan permuafakatan bersama Majlis Perundingan Kampung dengan anak buah kampung mengenai apa juga perkara berkebaikan khususnya untuk pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan mukim dan kampung, keselamatan dan keamanan mukim dan kampung dan negara umumnya," ujarnya lagi.

Majlis pengundian dan pemilihan bagi calon Ketua Kampung Pengkalan Batu telah menyaksikan Awang Muhammad Waie bin Haji Selamat mendapat sebanyak 111 undi setuju, dengan 48 undi tidak setuju serta satu undi rosak.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung

akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.

Turut hadir pada majlis pengundian dan pemilihan berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang juga selaku Ketua Kampung Putat.

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara bersama Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada majlis pengundian berkenaan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkat Kesedaran Mengenai Kanser Serviks'. Tarikh Tutup : 11 September 2024
2. 'Memperluas Rangkaian Industri Halal'. Tarikh Tutup : 18 September 2024
3. 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU



SUASANA Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pengkalan Batu.



ANTARA peserta khatam yang diraikan sempena Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Tahun 2024 yang diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jalan Tungku Link, Gadong. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



ANTARA yang hadir pada Program Perkongsian Maklumat bersama JAPEM di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

SALAH seorang pegawai dari Jabatan Penerangan ketika menyampaikan taklimat Program Kenali ASEAN kepada pelajar-pelajar Tahun 7 dan 8 di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

BERSEMPENA dengan Penubuhan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) Ke-33 Tahun, Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) telah menganjurkan Aktiviti Penanaman Pokok di Taman Rekreasi Menteri Besar, Jalan Menteri Besar, Berakas. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



ANTARA aktiviti yang diadakan pada acara Financial Fun Fair BDCB Ke-5 anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. bertempat di Jerudong Park Colonnade. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



الفارابي، أرسطو كدوا

فوليتيك كران كهبيتن فنوليسن دان
فميكيرين بلياو. كاريا الفارابي يغ تركل اياله
أراء أهل المدينة الفاضلة (فميكيرين^٢)
شندودوق كوتا اوتمام) ، سبواه كاريا يغ دكارع
بردارسكن كأدauen قد ماس ايت. الفارابي
هيديوف دزمان عباسية سماس قمرintaهن
المعتمد (٢٥٦-٢٧٩ هـ/٨٧٠-١٠٩ م) يغ
مان كتيك ايت دفنوهي دعن ڦمبرونتقن
باءيق سچارا اکام ، قوم ، بودايا دان
سباكاين. كتاب اين مغاندوغي تيوري^٢
الفارابي دالم ڦمبنتوقن سبواه نگارا يغ
سمقورنا.

مانکالا کاریا الفارابی برجودول
الموسيقى الكبير (كتاب أكوع موزيك) تله
معوتاراكن ڤرينسيف فلسفة موزيك ،
اكوستيک اساس ، سيسystem نادا ، ميلودي
دان ايrama ، فنراعن الت ۲ موزيك ،
ينتوناسي سوارا دان هوبوغون دانتارا موزيك
دغун بهاس. بلياو جولڭ تله ممبينچىخون
كسن ۋەقوتىن موزيك كىد سماڭت ماءنسى.
دانتارا کاريا لاءين الفارابي اداله سفترى
تحصيل السعادة ، عيون المسائل ، إحصاء
العلوم دان كتاب الحروف.

فهارس علمون إسلام مېفتکن الفارابي
سباکای اهلي فلسفه إسلام يع ساغت عارف
سهيچك دأغځف ماسيه بلوم اد اهلي فلسفه
إسلام لاءين دافت منديغي بلياو. بلياو
جولک برقرارن قنتیغ دالم ممبوك جالن باګي
کمونچولن ابن سينا دان ابن رشد، توکوه
فلسفه دان ټميکيرن. معلومت ریغکس
معنائي الفارابي توروت دفاړکن د
BKHISSHBN خصوصن دکاري ۵،
واريشن علمو.

بوکن سهاج بلاجر ماله منجادي گورو کف
قلا را فنونتوت دسان.

قد تاهون ٢١٠ هـ / ١٩٢٠ م، الفارابي
برفينده ككوتا حران، اوتارا سيريا ياعيت
سبواه قوست كبودايان يوناني داسيا
كچيل قد كتiek ايت. بلياو تله ممقلاجرى
علمو فلسفة دري فيلسوف كريستيان تركنل
برنام يوحنا بن جيلان. بلياو منتف دحران
سلاما همشير ٢٠ تاهون. كمودين، الفارابي
برفينده كدمشق قد تاهون ٣٣٠ هـ / ١٩٤١ م.
بلياو منتف دسان سلاما ٢ تاهون.

بلياو بكرجا سباڭاي توڭۇڭ كېبون ۋە
وقتو سياڭ دان منولىس ۋە وقتو مالم. بلياو
تلە بىرچومقا دەن سيف الدولة الحمدانى ،
ساورۇڭ كابىنور دھلەپ. اىستان سيف الدولة
سنتياس دەنۇھى دەن اكتيۈپىتى ۲ علمىي
دان منجادى تەقىت بىرکوممۇ قول قارا ۋېپىر ،
اهلى فيلولوگى ، اهلى فلسفە دان قارا
سرجان يېڭ تۈركىمۇكا. قىلاڭاي قوم سەرتى
درىقد ۋەرسى ، تۈركى دان عرب بىرچە دان
بربىح دالىم قىلاڭاي بىيەڭ علمو ۋەقتاھوان.

الفارابي مغهابيسكن اوسيما حياتن
سباکای چندکياوان. بلياو وفاة قد تاهون
سباکاي ٩٥٠ هـ / دمشق ، سيريا قد اوسيما
٨٠ تاهون. بلياو دکپوميکن دفرقيبورن الباب
الصغير. کابنور سيف الدولة سنديري
ممحاضيري ڦڳومين بلياو سباکاي تندا
ڦغحرمتن.

سوميغون الفارابي دالم بيدغ علمو
دافت دليهت دالم ٿلباكاي بيدغ ترماسوق
علمو بهاس ، فقة ، علمو کلام ، ماتماتيك
دان موزيك. والاو باڪاياما ناقون ، بلياو لبيه
منونجول دالم بيدغ فلسفة ، منطق دان

دکلر سباقاکای المعلم الثاني (کورو کدوا) کران مواریشی ۋېيکىرەن أراسطۇ، المعلم الأول (کورو قرتام) دالىم بىدۇغ فلسفە دان منطق. الفارابى براوسەها اونتوق مۇھۇم قول، مىنترىجىمە تىڭىس^٢ يۇنانىي اصلىي دان مېمىقۇرناكىن ۋېيکىرەن فلسفە أراسطۇ سرتا مېبىحىشكىن علمو أراسطۇ دەن ملواس سەھىيەڭ ملايىقكىن بىلەو مەنداقت ئىلەن ترسىبۇت. بىلەو جوڭ ترکىل سباقاکايى اولىيە ۋارا علمون بارت. Alpharabius

الفارابي داعچنف فاکر دان توکوه هیبت دالم
بیدغ ساءینس سرتا فلسفه تراوتام سکالی
سماس زمان ۋەتەن كەمیلەن إسلام
دئورىكى.

سچق کچیل لاکی ، الفارابی ساغت
کمر منونتوت علمو. سهیچک اد مغاتاکن
بهاوا بلياو بوليه مغواساي دان برتوتور
دالم ٧٠ بهاس سقرتي بهاس إيران ،
توركستان ، كوردستان دان ڦرسي. دسمقیع
منږيما فندیديقن سچارا فورمل دمسجد ۲ ،
بلياو جوک منونتوت علمو ڦuttaهوان سچارا
تيدق فورمل درڦد ڦارا گورو درومه ماسېع ۲.

اتس سبب ساعت گمر کند علمو
فقطاهوان ، بلياو توروت منونتوت علمو
درقد چارا گورو دان توکوه بوکن براگام إسلام
سام اد ددالم ماهوقون لوار دائيره فارب.

بلياو برايگشت كبغداد سماس برعمور
٤٠ تاهون (تاهون ٩١٠ هـ). قد
كتيك ايت ، بلياو ماسيه لاكي بلوم تاهو
بربهاس عرب. بلياو منتف دبغداد سلاما
تاهون. سماس براد دسان ، بلياو تله
مملاجرى بهاس ، سسترا ، فلسفة دان
منطق عرب. سقنجع برادا دبغداد ، بلياو

بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن
البلقيه (BKISHHB) اداله سبواه
اينستيتوسي يع برقرارن دالم مغومقول ،
مېيىقىن ، مەلىھارا ، مەولىھارا دان
ممۇامىركەن خزانه وارىشنى إسلام.
BKISHHB جوڭ منجادي سبواه قۇست
قېپىارن دان ۋەركۈسىن علمو يع دىمىڭايىكەن
ملالوئىي جلسە علمىيە ، ۋېلىدىقەن ،
قۇنولىسىن ، قىتىرجمەن دان ۋېمبلاجرن .

BKISHHB منجادی سبواه تمثت
يغ سيگنيفيکن دغун تمدون إسلام. تردافت
كوليكسي^۱ فنتيغ يغ ممبوقتيكن ڦركمبهعن
تمدون إسلام تله دقاميركن د BKISHHB.
انتاراڻ اداله مانوسڪرييف يغ دحاصيلكن
اولييه علماء^۲ معتبر دالم ڦلياڪاي بييغ علمو
سقريٽي علمو عقيده ، فقه ، تصوف ، أخلاق
دان لاءين^۳ لائي. كوليكسي مانوسڪرييف
ترسيبوت بوکن سهاج دتوليس دالم بهاس
عرب دان ڦرسني ماله ، اد جوک دتوليس
دالم بهاس ملايو (جاوي). سچارا تيدق
لغسوج ، BKISHHB جوک برقرارن دالم
ممفرنكلنکن توکوه^۴ علماء يغ باپق ممبريکن
سومبهعن ترهادف كتمدونن إسلام.

الفارابي اداله ساله ساورغ توکوه دان
علماء هیبت دالم بیدغ علمو اکام. نام چنوه
بلياو اياله أبو نصر محمد بن محمد بن اوزلغ
بن طرخان الفارابي. دلاهيركن ڦد تاهون
اوزبكستان دان براصل دري ڪلوارڪ ترnam.
بلياو ممقوپائي داي عقل ڦميڪيرن تيقگي
دان کماهيرن لوار بياسا سهينگك ممقو
معواسائي همثير ڪسماوا بيدغ علمو.
دکالغن ڦارا علمون إسلام ، الفارابي

SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, SIFAT PERPADUAN (ASEAN-NESS) PELAJAR



SEKITAR Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan Sekolah Menengah Katok (atas, atas kanan dan bawah kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

KATOK, Sabtu, 7 September. - Jerayawara Kenali ASEAN bertujuan untuk membarigakan dan memberi pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana

Menyampaikan Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COICI mengadakan jerayawara berkenaan ke Sekolah Menengah Katok yang dihadiri seramai 158 pelajar

Tahun 8.

Jerayawara yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Suzanah binti Haji Kurus, dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antara lain mengetengahkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan para pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



Tingkatkan kefahaman penduduk kampung punca konflik manusia, buaya



SESI taklimat yang diadakan di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenaan disampaikan oleh Ketua Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Mohd. Dinie bin Haji Mahadi (atas dan atas kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Majlis Perundingan Mukim Zon 2 Kampong Ayer dan kampung-kampung di bawahnya dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengendalikan Sesi Taklimat dan Dialog Isu Konflik Manusia

dan Buaya dengan kerjasama Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Sesi taklimat yang diadakan di Masjid YSHHB berkenaan disampaikan oleh Ketua Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, KSSUP, Awang Haji Mohd. Dinie bin

Haji Mahadi.

Menurut beliau, peningkatan konflik di antara buaya dan manusia berkemungkinan berpunca daripada pembangunan yang pesat terutamanya di tepi sungai disebabkan pembesaran anak sungai dan penebangan pokok-pokok bau.

"Habitat buaya terganggu menyebabkan sumber makanan buaya terkacau dan seterusnya mengakibatkan buaya-buaya sering kali kenampakan di perairan dan



juga di sungai-sungai Brunei dan menceroboh ke kawasan yang bukan habitatnya," ujar beliau.

Dalam usaha menangani dan mengendalikan kes konflik ini tambah beliau, Jabatan Perhutanan telah menubuhkan Pasukan Bertindak pada 2018, yang terdiri daripada agensi-agensi berkepentingan seperti Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan; Jabatan Bomba dan Penyelamat (JB), dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sesi taklimat juga turut menerangkan tatacara dan tip langkah-langkah berjaga bagi mengelakkan daripada serangan buaya khususnya apabila berada di kawasan habitatnya seperti di sungai dan pantai.

Turut serta dalam memberikan penerangan mengikut bidang tugas selaku ahli agensi pasukan bertindak adalah wakil dari pihak

PPDB dan JBP.

Tujuan sesi taklimat antara lain adalah untuk meningkatkan kefahaman pihak penduduk berkenaan punca-punca konflik manusia dan buaya termasuk kepentingan spesies buaya sebagai pengawal populasi hidupan liar dan ekosistem habitat alam semula jadi sungai-sungai kitani.

Sesi taklimat dihadiri oleh Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara, Awang Raimi bin Awang Rashid, Pemangku-pemangku Ketua Kampung Zon 3 dan Zon 4 Kampong Ayer serta AJKT Masjid, Muslimah dan para penduduk kampung.

Acara berkenaan juga mengendalikan sesi dialog dengan para penduduk dan mini pameran tatacara penangkapan buaya dari Bahagian Hidupan Liar Jabatan Perhutanan.

USIA BUKAN PENGHALANG UNTUK TERUSKAN PEMBELAJARAN, MENINGKATKAN ILMU

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen
Pg. Haji Abu Bakar



AWANG Lim Siew Yong semasa ditemu bual.

BERAKAS, Sabtu 7 September. - Setiap cabaran merupakan peluang untuk kita terus belajar dan menjadi pemangkin untuk memperkembangkan pelbagai aspek demi menuju masa hadapan yang cemerlang dan menjadi anak watan sebagai generasi penerus membentuk masa hadapan negara yang maju dan terbilang.

Demikian antara harapan dan kata-kata motivasi daripada beberapa graduan yang meraih kejayaan mereka pada Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Kali Ke-12 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Dayang Zu Mirratin Munira binti Haji Mohammad Affno yang mengikuti jurusan Sarjana Sains (Secara Penyelidikan) dalam Sains Makanan dan Teknologi (Master by Research in Food Science and Technology) ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menyatakan perancangannya untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat Doktor Falsafah bagi menguatkan lagi pengetahuan dan kemahirannya dalam bidang berkenaan agar dapat digunakan untuk mendidik generasi yang akan datang.

Menurutnya, cabaran sepanjang menjalani pengajian selama dua tahun adalah salah satunya mengimbangi masa menjadi seorang pelajar yang membuat kajian dan menikmati kehidupan.

"Terkadang juga saya hilang arah kerana tidak yakin dengan kajian yang saya buat. Walau bagaimanapun, saya bersyukur mempunyai Supervisor, Profesor Beston Nore dan Co-Supervisor, Dr. Aida Maryam Basri yang tidak pernah putus memberi saya petunjuk dan selalu sabar dengan karenanya saya."

"Begini juga dengan kawan-kawan saya yang selalu bersedia menolong dan mendengar keluhan saya," jelasnya.

Dayang Zu Mirratin Munira juga ingin mengungkapkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas kurnia-Nya berupa kecerdasan dan kesihatan yang memungkinkannya untuk mencapai tingkat pendidikan ini.

"Saya juga ingin menyampaikan terima kasih yang mendalam kepada pihak kerajaan yang telah memberi biasiswa untuk saya melanjutkan pendidikan. Selanjutnya, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang sentiasa memberi nasihat, dorongan dan dukungan penuh dalam usaha saya untuk terus belajar dan meningkatkan kualiti diri demi masa depan yang lebih baik."

"Saya juga menghargai bimbingan daripada para guru yang telah memandu saya menuju kejayaan serta teman-teman yang telah memberi dukungan moral dan tidak lupa, saya juga berterima kasih kepada para pelajar cemerlang yang telah menginspirasikan saya untuk mengikuti jejak mereka," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Dayang Zu Mirratin Munira memberi nasihat kepada para pelajar yang lain untuk sentiasa bermotivasi di sepanjang pengajian dan jika timbul keinginan untuk berputus asa, renungkanlah semula alasan di balik keputusan sendiri untuk memulai perjalanan ini.

"Bayangkanlah masa depan di mana kita telah berhenti di tengah jalan, padahal cita-cita *kitani* dapat tercapai jika *kitani* terus maju dengan tekun dan sabar. Rasa kecewa dan penyesalan yang mungkin akan kita rasakan di kemudian hari tidak akan lebih baik daripada kesusahan yang kita hadapi saat ini. Perlu diingat bahawa meskipun peluang dapat datang berulang kali, setiap peluang memiliki keistimewaannya masing-masing dan tidak akan pernah sama," ujarnya lagi.

Sementara itu, Awangku Muhammad Saiful Adli bin Pengiran Suhaini, graduan jurusan Sarjana Muda Sains dalam Pengkomputeran (Major dalam Data Analitik) (Bachelor of Science in Computing (Major in Data Analytics) juga berhasrat ingin meneruskan pendidikan dengan melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Sains dalam bidang pengkomputeran dan sistem maklumat di universiti yang sama dan percaya bahawa pengajian lanjut dalam bidang berkenaan akan dapat melengkapkan dirinya dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mencapai matlamat kerjayanya.

"Sepanjang pengajian, salah satu cabaran terbesar yang saya hadapi adalah mengimbangi antara tanggungjawab akademik dan peribadi. Adakalanya, beban kerja yang berat serta tekanan untuk mencapai keputusan yang cemerlang membuatkan saya rasa tertekan.

"Walau bagaimanapun, saya belajar untuk mengurus masa dengan lebih baik dan membina strategi untuk membantu saya kekal fokus dan bermotivasi. Untuk kenangan, Alhamdulillah, saya diberi kesempatan untuk menjalani *internship* di Bandung, Indonesia, yang bukan sahaja melengkapkan saya dengan kemahiran yang diperlukan tetapi juga mengembangkan minat saya yang mendalam dalam bidang yang saya ceburi," katanya.

Tambahnya, ibu bapa adalah insan yang sentiasa mendoakan sepa n j a n g n y a menjalani pengajian hingga kini.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan serta galakan yang saya terima daripada pensyarah, mentor, keluarga, dan rakan-rakan. Kepercayaan mereka terhadap saya membantu saya kekal bermotivasi dan tabah menghadapi masa-masa sukar."

"Nasihat saya kepada pelajar-pelajar lain adalah untuk sentiasa ingatkan diri tentang matlamat dan impian yang ingin dicapai. Walaupun ada masa-masa sukar, ingatlah bahawa setiap cabaran adalah peluang untuk belajar dan berkembang."

"Tetapkan sasaran yang jelas, urus masa dengan bijak, dan jangan takut untuk minta bantuan apabila perlu serta yang paling penting, jangan lupa untuk menikmati setiap detik dalam pengajian kerana pengalaman ini adalah satu perjalanan yang penuh dengan pembelajaran dan kenangan," tambahnya lagi.

Manakala, Dayang Nur Amera Aqilah binti Noor'Ash, graduan Ijazah Sarjana Muda Dalam Jurusan Kejuruteraan Awam, kini aktif memohon pekerjaan dalam bidang berkenaan dan jika diberi peluang untuk melanjutkan pengajian, beliau ingin mengambil Ijazah Sarjana hingga Kedoktoran Falsafah kerana jurusan berkenaan merangkumi pembinaan jalan raya, saliran, bekalan air dan banyak lagi.

Menurutnya, antara cabaran yang terbesar dihadapi ialah untuk mengekalkan prestasi akademik yang baik.

"Saya bukanlah seorang yang dianggap genius dalam jurusan kejuruteraan, namun banyak masa dan usaha telah diluangkan untuk mencapai kelas pertama dan saya berterima kasih kepada pensyarah-pensyarah saya untuk kesabaran mereka."

"Kenangan yang tidak dapat dilupakan di UTB adalah semasa *internship*. Walaupun ia bukan masa yang dihabiskan di UTB, saya berbesar hati dipilih oleh UTB untuk menjalani *internship* saya di luar negara, iaitu di Piper Aircraft di Florida, Amerika Syarikat.

"Ia adalah pengalaman yang banyak memberi kesan positif kepada perkembangan akademik, peribadi dan profesional saya. Bekerja dan belajar pada masa yang sama adalah mencabar tetapi berbaloi dan saya tidak akan melupakan kenangan itu," tambahnya lagi.

Menurut Dayang Nur Amera Aqilah lagi, penyokong terbesar sepanjang perjalanan akademiknya ialah keluarga dan para pensyarah, yang bukan sahaja sokongan sara hidup tetapi doa yang tidak pernah putus begitu penting dalam menghasilkan kejayaan.

Selain itu katanya lagi, r a k a n - r a k a n seperjuangan yang banyak memberi sokongan emosi



AWANGKU Muhammad Saiful Adli bin Pengiran Suhaini dan Awang Muhammad Amirul Amin bin Rosli (kiri dan kanan).

bermula daripada titik peluh, air mata dan menyelesaikan tugas secara bekerjasama merupakan dorongan terbesar buatnya.

"Untuk kawan-kawan yang meneruskan perjalanan akademik atau kerjaya mereka, ingatlah bahawa kejayaan lebih daripada sekadar pencapaian akademik. Ia juga tentang watak *kitani* dan impak yang *kitani* buat terhadap orang di sekitar kita.

"Rebut setiap peluang yang datang, ambil risiko dan luaskan lingkungan sejauh mungkin dan ambil setiap cabaran sebagai peluang untuk belajar dan berkembang, insyaAllah dengan doa, tawakal dan usaha, semua urusan akan diper mudahkan," ujarnya lagi.

Berkecimpung dalam bidang keselamatan maklumat, mengaplikasikan ilmu yang dipelajari semasa di universiti ke dalam dunia pekerjaan dan mencari peluang untuk melanjutkan pelajaran atau mendapatkan sijil profesional yang berkaitan dengan keselamatan siber merupakan perancangan Awang Muhammad Amirul Amin bin Rosli, graduan Sarjana Muda Sains Dalam Keselamatan Maklumat (BSc Information Security) selepas menamatkan kursus.

Awang Muhammad Amirul Amin berkata, cabaran terbesar yang dihadapi adalah permulaan perjalanan di universiti pada 2021 dengan pengetahuan yang terhad dalam bidang berkenaan.

Namun tambahnya, cabaran berkenaan juga menjadi kenangan yang tidak akan dilupakan kerana ia mengajar dirinya tentang pentingnya usaha berterusan dan ketekunan. Di samping itu, sokongan daripada para pendidik dan rakan-rakan yang sentiasa mendorong untuk lebih maju menjadi antara kenangan manis sepanjang pengajiannya.

"Sepanjang pengajian, saya sangat bersyukur atas sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada para pendidik yang bukan sahaja memberi bimbingan akademik tetapi juga memberi semangat untuk tidak mudah berputus asa. Selain itu, keluarga dan rakan-rakan juga sentiasa memberi dorongan untuk terus maju walaupun menghadapi pelbagai cabaran."

"Jangan takut untuk menghadapi cabaran dan sentiasa ingat bahawa setiap kesukaran adalah peluang untuk belajar dan berkembang. Berani mencuba perkara baharu, sentiasa bersikap positif, dan jangan pernah lupa untuk meminta bantuan apabila diperlukan."

"Kejayaan bukanlah destinasi tetapi perjalanan, jadi nikmatilah setiap langkah dalam proses pembelajaran awda," pesan Awang Muhammad Amirul Amin lagi.

Manakala seorang lagi graduan yang gigih berusaha untuk mencapai matlamatnya, iaitu Awang Lim Siew Yong, graduan Sarjana Sains (Secara Kerja Awam) Dalam Kejuruteraan Awam (Secara Separuh Masa) yang berusia 80 tahun berasa teruja apabila menerima salah satu Anugerah Pelajaran Cemerlang pada Majlis Konvokesyen tahun ini.

"Projek penyelidikan saya selama dua tahun adalah mengenai "Lagipun, saya juga adalah pesakit Kanser Tahap Ke-4 sejak 2016 dan masih menjalani rawatan secara suku tahunan di Pusat Kanser Brunei (TBCC). Harap ini dapat memberi lebih dorongan kepada rakan-rakan saya untuk meneruskan pengajian mereka di UTB," ujarnya lagi.



DAYANG Nur Amera Aqilah binti Noor'Ash dan Dayang Zu Mirratin Munira binti Haji Mohammad Affno (kiri dan kanan).

kegagalan cerun yang disebabkan oleh hujan (*rainfall induced slope failure*). Saya merancang untuk memanfaatkan sepenuhnya penyelidikan saya demi kebaikan komuniti.

"Saya telah memulakan perbincangan dengan penyelia saya untuk meneroka kemungkinan kerjasama dengan UTB bagi membangunkan sistem amaran awal untuk tanah runtuh sebagai salah satu sumbangan saya kepada masyarakat bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda," tambahnya.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa kampus terakhirnya pada 1969, lebih dari lima dekad yang lalu. Pada awalnya merupakan satu cabaran untuk belajar dalam kalangan rakan sekelas yang jauh lebih muda dan baharu sahaja tamat pengajian.

"Pada semester pertama, saya telah gagal dalam satu modul teras. Peraturan UTB dengan tegas menetapkan bahawa manapun modul yang gagal hanya diberikan satu peluang sahaja untuk menduduki semula. Ini adalah kali pertama dalam hidup akademik saya gagal dalam satu mata pelajaran.

"Ini benar-benar merupakan satu pukulan besar dan cabaran bagi saya kerana saya mesti lulus modul tersebut atau UTB akan mengeluarkan saya dari program sarjana pada Semester 1.

"Mujurlah saya lulus semula dan meneruskan untuk menyelesaikan semua peperiksaan berikutnya dalam tiga semester yang tinggal tanpa masalah," ujarnya lagi.

Awang Lim Siew Yong turut mengalui-alukan dan menggalakkan orang ramai untuk mengambil peluang emas yang ditawarkan oleh UTB untuk mengikuti kursus demi peningkatan diri.

"Pada usia 80 tahun, saya percaya bahawa usia bukanlah penghalang kepada pembelajaran dan peningkatan diri. Saya akan terus menjadikan pembelajaran sebagai usaha sepanjang hayat saya. Oleh itu, tiada had usia dalam perjalanan pembelajaran kita."

"Lagipun, saya juga adalah pesakit Kanser Tahap Ke-4 sejak 2016 dan masih menjalani rawatan secara suku tahunan di Pusat Kanser Brunei (TBCC). Harap ini dapat memberi lebih dorongan kepada rakan-rakan saya untuk meneruskan pengajian mereka di UTB," ujarnya lagi.

OPKEMAS : 9 BUAH SYARIKAT DIKENAKAN DENDA KOMPAUN



ANTARA syarikat yang dikenakan denda kompaun semasa OPKEMAS yang dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (atas, atas kanan dan bawah kanan).

■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Sebanyak sembilan buah syarikat di Daerah Brunei dan Muara dikenakan denda kompaun bagi kesalahan kali pertama, iaitu denda BND250 kerana melanggar Peraturan-peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 semasa

OPKEMAS yang dijalankan oleh pihak Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa pada hari ini.

Daripada sembilan denda kompaun berkenaan, lima buah syarikat dikenakan denda kompaun kerana menggunakan kawasan petak letak kenderaan

dan kawasan landskap sebagai kawasan membaiki kenderaan yang boleh menjelaskan lalu lintas dan menimbulkan risiko bahaya kepada pengguna jalan raya.

Sementara, dua buah syarikat dikenakan denda kompaun kerana membiarkan kenderaan buruk di atas petak letak kenderaan yang boleh menjadi tempat persembunyian dan pembiakan binatang seperti tikus dan lain-lain.

Manakala dua buah syarikat lagi dikenakan denda kompaun kerana menggunakan kawasan kaki lima sebagai tempat memamerkan barang jualan dan sebagai tempat makan yang telah menghalang lalu lintas pengguna.

Syarikat-syarikat berkenaan diberikan tempoh tujuh hari dari tarikh denda kompaun dikeluarkan untuk menjelaskan denda berkenaan.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang awam, pemilik-pemilik perniagaan dan perusahaan untuk mematuhi undang-undang perancangan dengan mendapatkan Kebenaran Perancangan bagi setiap kemajuan dan penggunaan tanah kerana perlanggaran terhadap akta dan peraturan boleh menimbulkan risiko keselamatan kepada orang ramai dan menjelaskan imej negara.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200222.



Operasi Siaga : 6 kesalahan Perintah Pekerjaan 2009 dicatatkan

■ Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 197/2024 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Siaga 197/2024 pada 3 September 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang dijalankan bagi kegiatan membaiki pendingin hawa di kawasan Kampung

Kesalahan lain yang dilakukan oleh majikan adalah Bab 70, majikan tidak memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 71, majikan gagal memberikan Cuti Tahunan bergaji dan Bab 10, tidak menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis dengan majikan menjamin.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan yang menggaji dan majikan asal boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan berkenaan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti majikan hendaklah menggaji pekerja-pekerja asing yang di bawah jaminan syarikat sendiri dan tidak membiarkan pekerja-pekerja bekerja dengan syarikat lain, majikan hendaklah memberikan cuti awam yang diwartakan kepada pekerja-pekerja serta memberikan Cuti Tahunan bergaji setelah berkhidmat selama tiga bulan dengan majikan yang sama dan majikan juga hendaklah menyediakan kontrak perkhidmatan dengan pekerja yang dijamin.

Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh meneusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Lelaki warga asing didakwa, miliki rokok tanpa permit

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 September. - Pemangku Majistret Kanan Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memerintahkan seorang lelaki warganegara Malaysia untuk membayar denda sebanyak BND9,600 dan jika gagal membayar keseluruhan denda dijatuhi hukuman sembilan bulan pemerjaraan.

Tan Kim Yong (defendant), 41 tahun, mengaku bersalah terhadap satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 atas memiliki 11 karton dan 10 paket rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Defendant ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Kuala Belait di Pos Kawalan Sungai Tujuh, Kuala Belait pada 6 September 2024, jam 6.40 pagi.

Se semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

TRUMP AKUI 'TERSINGGUNG' DENGAN SOKONGAN PUTIN TERHADAP HARRIS

WASHINGTON, 8 Sept. - Bekas Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump secara berseloroh mengakui bahawa beliau "sangat tersinggung" dengan keputusan Presiden Rusia Vladimir Putin untuk menyatakan sokongan kepada Naib Presiden AS Kamala Harris, lapor Sputnik.

Semasa bercakap pada sesi pleno Forum Ekonomi Timur, Putin secara berseloroh berkata Rusia akan menyokong calon presiden AS dari Parti Demokrat Kamala Harris seperti yang disyorkan oleh penyandang Presiden Joe Biden. Pemimpin Rusia itu mendakwa

Harris mempunyai ketawa yang "berjangkit" yang mana seseorang boleh membuat kesimpulan bahawa beliau "melakukan dengan agak baik."

"Saya mengenali Putin, saya mengenalinya dengan baik. Pada hari yang lalu beliau menyokong Kamala. Beliau menyokong Kamala

— Saya sangat tersinggung dengan itu. Saya fikir ia dilakukan mungkin dengan senyuman," kata Trump kepada penyokongnya semasa berucap pada perhimpunan di Wisconsin.

Trump juga tertanya-tanya mengapa ketua negara Rusia itu menyokong Harris, sambil



menambah bahawa Putin adalah seorang "pemain catur." Selain itu, bekas presiden itu sekali lagi menyatakan keyakinan bahawa konflik Ukraine tidak akan berlaku di bawah pemerintahannya. Pilihan raya presiden AS akan diadakan pada 5 November. Naib Presiden Harris akan mewakili Parti Demokrat, dan Trump akan mewakili Parti Republikan. - ©BERNAMA

Pemilihan kepimpinan parti pembangkang utama Jepun bermula

TOKYO, 8 Sept. - Parti pembangkang terbesar Jepun Constitutional Democratic Party (CDP) secara rasmi mengadakan pemilihan untuk memilih barisan kepimpinan baharu parti pada Sabtu, lapor Xinhua yang memetik laporan media tempatan.

Empat anggota CDP, termasuk bekas perdana menteri dan dua ahli Parlimen yang pernah menerajui parti itu menyerahkan pencalonan

mereka untuk pemilihan yang dijadualkan berlangsung pada 23 September ini, menurut laporan Kyodo News.

Antara tokoh yang mencalonkan diri termasuk Yoshihiko Noda, 67, yang pernah berkhidmat sebagai Perdana Menteri Jepun dari 2011 hingga 2012, Yukio Edano, 60, yang menerajui CDP sejak ia ditubuhkan pada 2017 sehingga 2021 serta pengantinya, penyandang ketua

Kenta Izumi, 50. Ahli Parlimen Dewan Perwakilan penggal pertama, Harumi Yoshida, 52, menjadi tambahan terakhir dalam senarai pencalonan dan merupakan satu-satunya calon wanita yang bertanding.

Kempen selama 17 hari itu dijangka memberi tumpuan kepada cara untuk bekerjasama dengan parti pembangkang lain berikut jangkaan pilihan raya umum awal

mungkin diadakan pada musim luruh ini. CDP menyasarkan untuk merampas kuasa daripada blok

pemerintah yang diketuai Parti Liberal Demokratik, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Pengundian pilihan raya Presiden Algeria tamat, penjumlahan undi bermula

ALGIERS (Algeria), 8 Sept. - Proses penjumlahan undi bermula pada petang Sabtu setelah pengundian bagi pilihan raya presiden awal di Algeria tamat pada 1900GMT, lapor Agensi Anadolu.

Putus pengundian telah ditutup dan penjumlahan undi dimulakan serta-merta dengan kehadiran pihak media serta wakil tiga calon, lapor pewarta Agensi Anadolu di lokasi kejadian.

Terdahulu, pihak berkuasa pilihan raya telah melanjutkan tempoh pengundian selama satu jam

menyebabkan pusat pengundian ditutup pada 1900GMT. Negara Afrika Utara itu mempunyai lebih 24 juta pengundi berdaftar. Lebih 800,000 warga Algeria di luar negara mula mengundi pada 2 September.

Peratusan keluar mengundi bagi pilihan raya presiden awal itu meningkat kepada 26.45 peratus tiga jam sebelum pengundian ditutup dengan 18.31 peratus pengundi mengambil bahagian dari luar negara, menurut Pihak Berkuasa Pilihan Raya Nasional Bebas.

Pada Jun lepas, Presiden

Tebboune mengumumkan pilihan raya awal yang pada asalnya dijadualkan pada Disember. Selain Tebboune, 78, Abdelaali Hassani Cherif dari Movement of Society for Peace and Youcef Aouchiche dari Socialist Forces Front turut bertanding. Cherif, 58, ialah ketua parti Islam terbesar di Algeria.

Aouchiche, 42, setiausaha pertama Socialist Forces Front, parti pembangkang tertua di Algeria yang ditubuhkan pada 1963 mewakili pembangkang berhaluan kiri. - ©BERNAMA

(hujan), menurut kenyataan itu. "Oleh itu, pihak berkuasa memberi amaran agar kita bersedia menghadapi banjir di kawasan rendah, kemungkinan banjir kilat di sungai dan anak sungai, serta tanah runtuhan beberapa kawasan.

"Rakyat Malaysia yang tinggal, bekerja atau melawat kawasan terjejas dinasihatkan untuk memantau berita tempatan dalam beberapa hari akan datang.

"Rakyat Malaysia diminta mendaftar di e-konsular melalui <https://ekonsular.kln.gov.my/login> dan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang diperlukan. Sentiasa ikuti nasihat dan patuhi arahan pihak berkuasa

tempatan yang berkaitan," menurut pengumuman itu.

Rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular boleh menghubungi Pegawai Bertugas kedutaan di talian +849-0418 5610 atau melalui e-mel di mwhanoi@kln.gov.my.

Menurut Xinhua, taufan Yagi dijangka melanda pantai utara Vietnam pada Sabtu, membawa hujan lebat hingga 400 mm.

Sepuluh kawasan yang dijangka terjejas secara langsung termasuk Hanoi, Hai Phong, Thai Binh, dan Ha Nam, manakala sesi persekolahan pada Sabtu untuk 5.6 juta pelajar akan ditangguhkan buat sementara waktu. - ©BERNAMA

sepuluh kawasan yang dijangka terjejas secara langsung termasuk Hanoi, Hai Phong, Thai Binh, dan Ha Nam, manakala sesi persekolahan pada Sabtu untuk 5.6 juta pelajar akan ditangguhkan buat sementara waktu. - ©BERNAMA

Starliner Boeing kembali ke bumi, kru kekal di ISS

ISTANBUL, 7 Sept. - Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Kebangsaan(NASA)mengumumkan bahawa kapal angkasa Starliner tanpa kru milik Boeing berlepas dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada 2204GMT Jumaat untuk kembali ke Bumi.

Agensi Anadolu melaporkan bahawa kapsul itu dijangka mendarat pada 0400 GMT di White Sands Space Harbour, New Mexico,

Amerika Syarikat (AS).

Angkasawan NASA, Butch Wilmore dan Suni Williams pada asalnya dijadual kembali menaiki Starliner akan kekal di ISS sehingga Februari 2025, melanjutkan misi mereka daripada lapan hari kepada lebih lapan bulan. Mereka dijangka kembali ke bumi dengan menggunakan kapal angkasa SpaceX Dragon milik Elon Musk. - ©BERNAMA

Keputusan untuk mengekalkan angkasawan di ISS dibuat selepas NASA menganggap situasi terlalu berisiko untuk mereka kembali menggunakan kapsul Boeing yang mengalami kerosakan.

Starliner, yang dilancarkan pada 5 Jun mengalami kebocoran helium yang berterusan, menyebabkan kepulangannya ke bumi ditangguh empat kali. - ©BERNAMA

Africa CDC dan WHO lancar pelan bersama bendung wabak Mpox

NAIROBI, 7 Sept. - Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Jumaat melancarkan pelan untuk meningkatkan tindak balas terhadap wabak Mpox yang sedang melanda Afrika.

Agensi Anadolu melaporkan bahawa inisiatif itu yang diumumkan di Kinshasa, Republik Demokratik Congo memberi tumpuan kepada peningkatan pemantauan,agnostik makmal dan usaha vaksinasi untuk membendung penyebaran penyakit.

Pelan itu menekankan kerjasama antara negara-negara Afrika untuk memastikan semua negara dilengkapi secukupnya untuk menangani kemungkinan wabak.

Ketua Pengarah Africa CDC, Jean Kaseya semasa pelancaran berkata, "kami berbangga untuk melancarkan pelan ini bersama-sama yang menyatakan semua pihak berkepentingan dalam pendekatan yang diselaraskan untuk menangani wabak Mpox di seluruh Afrika."

"Strategi bersatu ini memastikan semua rakan kongsi sejarah dengan objektif yang sama, mengelakkan pertindihan dan memaksimumkan impak," katanya.

Pelan Kesediaan dan Tindak Balas Strategik Mpox, dengan belanjawan sebanyak US\$600 juta, memfokuskan kepada tindak balas dan kesiapsiagaan di 29 Negara Anggota.

Congo pada Khamis menerima penghantaran pertama vaksin Mpox untuk membantu membendung penyebaran virus itu.

WHO mengisyiharkan Mpox sebagai kecemasan kesihatan awam global pada 14 Ogos, manakala Africa CDC mengisyiharkannya sebagai Kecemasan Kesihatan Awam Keselamatan Benua (PHECS) sehari sebelumnya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei

KEMENTERIAN KESIHATAN ADAKAN HARI FISIOTERAPI SEDUNIA

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran Movement for Health (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai aktiviti berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 September. - Perkhidmatan Fisioterapi, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Fisioterapi Sedunia 2024 bertempat di BIBD Connects dan Kawasan Letak Kereta Taman Mahkota Jubli Emas bertepatan dengan Program Bandarku Ceria, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Hari Fisioterapi Sedunia diraikan setiap tahun pada 8 September di seluruh dunia. Pada tahun ini, Perkhidmatan Fisioterapi, Kementerian Kesihatan mengambil peluang ini untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan Fisioterapi dalam membantu dan memperkasakan masyarakat dan orang ramai dari semua peringkat umur dan keupayaan untuk kekal cergas dengan

menggalakkan mereka untuk sentiasa aktif dalam kehidupan sehari-hari.

Antara lain memperkenalkan kepada orang ramai akan pusat-pusat / organisasi yang menawarkan khidmat Fisioterapi di seluruh negara, juga untuk mempertingkatkan kerjasama di antara Ahli Fisioterapi di bahagian kerajaan mahupun swasta serta menyahut seruan visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Guru Ugama Terlatih, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Khairunnisa bin Haji Zainin, diikuti dengan pelancaran Movement For Health oleh tetamu kehormat.

Aktiviti Movement for Health adalah dihasilkan untuk menggalakkan orang ramai dari semua peringkat umur dan keupayaan untuk bergerak sama ada

menggunakan alat bantu berjalan, mahupun yang menggunakan kerusi roda dan peralatan mobiliti yang lainnya, di sepanjang laluan yang dikhaskan sejauh 2.5 kilometer mengelilingi Bandar Seri Begawan di dalam suasana dan persekitaran yang kondusif dan inklusif untuk semua.

Reruai Fisioterapi dari organisasi-organisasi Fisioterapi seluruh negara juga turut serta mempamerkan perkhidmatan yang ditawarkan di pusat-pusat mereka dan aktiviti kegiatan fizikal bagi setiap lapisan umur dan keupayaan.

Antara pusat / organisasi yang turut serta dalam acara tersebut ialah Unit Fisioterapi, Kementerian Kesihatan; Pusat Optima dan Kecergasan Tentera di Kementerian Pertahanan; Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Pusat Pakar Pantai Jerudong; Gleneagles

Pusat Perubatan Jerudong Park; Trophy (Physiotherapy & Sports Science Centre); Core Physiotherapy; Pusat Kesihatan Panaga dan Spine Joint Physiotherapy.

Penyertaan orang ramai semasa majlis sambutan tersebut turut memerlukan lagi suasana dengan adanya pelbagai jenis aktiviti, Skunake dan kuiz.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Kesukuanan) KKBS, Pengiran Muhammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan; pengarah-pengarah, pegawai-pejawat kanan, pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, KKBS, pusat-pusat perubatan swasta dan persatuan-persatuan dan organisasi-organisasi bukan kerajaan.

Walk for Peace : Promosi amalan gaya hidup sihat

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Ahad, 8 September. - Sambutan Hari Kedamaian Sedunia (International Day of Peace) Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) adalah merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan dan pada tahun ini membawa tema 'Sustaining Peace and Harmony'.

Kegiatan berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk menyambut dan meraikan Hari Kedamaian Sedunia bagi tahun 2024 selain mempromosi amalan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti fizikal dan riadah seperti yang disarankan.

Di samping itu, ia juga untuk mempromosi kesedaran pentingnya keamanan sejagat dan meningkatkan serta mengukuhkan perasaan muhibah dan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli persatuan.

Atur cara terdahulu dimulakan dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Kedamaian Sedunia oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani, diikuti dengan tazkirah ringkas bertajuk 'Keamanan' disampaikan oleh Pesuruhjaya Pemimpin Muda PPPBD, Dr. Mariam binti Haji Abdul Rahman.

Sambutan kali ini turut diisikan dengan aktiviti senamrobik, diikuti dengan aktiviti berjalan kaki Walk for Peace di kawasan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah yang dilancarkan oleh tetamu kehormat majlis, Naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Hari Kedamaian Sedunia disambut pada setiap tanggal 21 September dan tema Sambutan Hari Kedamaian Sedunia pada tahun ini ialah 'Membangun Budaya Damai' (Cultivating a Culture of Peace).



KEGIATAN berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk menyambut dan meraikan Hari Kedamaian Sedunia bagi tahun 2024 selain mempromosi amalan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti fizikal dan riadah seperti yang disarankan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTRAL MEMBERI SOKONGAN KEPADA PESAKIT DEMENSIJA